

## Rasional Kulit Luar

Tien Wah Press Holdings Berhad adalah nama dagang yang cukup mapan dibina sepanjang lima dekad yang lampau. Raut tepi logo TWP yang tajam halus di pertengahan kulit luar menggambarkan kedudukan strategiknya bagi berkhidmat untuk pelanggan di seluruh rantau Asia Pasifik, dengan meninggal tanda atau teraannya bagi semua syarikat percetakan untuk menandingi.

Latar belakang perak menggambarkan bagaimana syarikat berada dalam kelasnya yang tersendiri dengan identiti korporat dan teknologi terkini yang membentuk asas kukuh seperti keluli bagi TWP bergerak maju dalam pembangunan industrinya dengan teraan sempurna dan menjadi peneraju pasaran industri percetakan.



## SOROTAN BAGI TAHUN INI

		Tahun berakhir 31.12.09 RM juta	Tahun berakhir 31.12.08 RM juta	Meningkat/ (Menurun) %
Hasil		328.6	186.0	77
Keuntungan sebelum cukai		28.4	25.1	13
Keuntungan bagi tahun		21.2	19.6	8
Keuntungan bersih yang diagihkan kepada pemegang saham syarikat		15.4	18.7	(18)
Dana Pemegang Saham		156.0	141.2	10
Pulangan bersih atas dana pemegang saham	(%)	9.9	13.2	(25)
Perolehan bersih sesaham	(sen)	22.4	27.1	(18)
Interim bersih dan dividend akhir sesaham	(sen)	15.0	13.1	15

- Peningkatan hasil yang ketara disebabkan oleh kejayaan bidaan kontrak eksklusif 7+3 tahun untuk membekal keperluan karton bercetak British American Tobacco di beberapa lokasi di rantau Asia Pasifik.
- Peningkatan marginal dalam keuntungan untuk tahun disebabkan perjanjian pembekalan bagi tahun pertama.
- Pengambilalihan syarikat kedua di Vietnam, Toyo (Viet) Paper Product Co., Ltd



# Kandungan

Laporan Tahunan . 2009 . Annual Report

- 117. Kalendar Kewangan
- 118. Pernyataan Visi dan Misi Korporat
- 119. Notis Mesyuarat Agung Tahunan

## Korporat

- 121. Maklumat Korporat
- 122. Struktur Korporat Kumpulan
- 123. Profil Korporat

## Sorotan Kewangan

- 124. Ringkasan Kewangan Lima Tahun Kumpulan
- 126. Maklumat Pelabur

## Kepimpinan

- 129. Profil Lembaga Pengarah
- 133. Profil Pengurusan Kanan
- 137. Pernyataan Pengerusi
- 139. Tinjauan Operasi Perniagaan

## Tadbir Urus Korporat

- 142. Pernyataan Tadbir Urus Korporat
- 149. Pernyataan Kawalan Dalaman
- 151. Maklumat Kepatuhan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama
- 154. Laporan Jawatankuasa Audit

## Persekitaran Bersifat Prihatin

- 159. Tanggungjawab Sosial Korporat
- 163. Pembangunan Sumber Manusia

## Penyata Kewangan 2009

- 165. Laporan Pengarah
- 169. Kunci Kira-kira
- 170. Penyata Pendapatan
- 171. Penyata Perubahan Ekuiti
- 172. Penyata Aliran Tunai
- 174. Nota bagi Penyata Kewangan
- 214. Penyata oleh Para Pengarah
- 214. Akuan Berkanun
- 215. Laporan Juruaudit Bebas kepada Ahli-ahli Tien Wah Press Holdings Berhad

## Maklumat Lain

- 217. Analisis Pemegangan Saham
- 220. Senarai Hartanah yang Dimiliki Kumpulan Tien Wah Press Borang Proksi

## Kalendar Kewangan

Tahun Kewangan 2009 1 Januari ke 31 Disember

### PENGUMUMAN PENCAPAIAN

Laporan Suku Pertama	
Pencapaian tidak beraudit yang disatukan bagi suku tahun berakhir 31 Mac 2009	Khamis, 7 Mei 2009
Laporan Suku Kedua	
Pencapaian tidak beraudit yang disatukan bagi suku tahun berakhir 30 Jun 2009	Selasa, 4 Ogos 2009
Laporan Suku Ketiga	
Pencapaian tidak beraudit yang disatukan bagi suku tahun berakhir 30 September 2009	Selasa, 10 November 2009
Laporan Suku Keempat	
Pencapaian tidak beraudit yang disatukan bagi suku tahun berakhir 31 Disember 2009	Khamis, 25 Februari 2010

### DIVIDEN

Dividen Interim (8 sen kasar bagi setiap saham ditolak cukai sebanyak 25%)	
Tarikh kelayakan	Isnin, 28 September 2009
Tarikh pembayaran	Khamis, 8 Oktober 2009
Dividen Akhir Dicapang (12.05 sen kasar bagi setiap saham biasa ditolak cukai sebanyak 25%)	
Tarikh kelayakan	Isnin, 7 Jun 2010
Tarikh pembayaran	Rabu, 23 Jun 2010

### LAPORAN TAHUNAN DAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Laporan Tahunan 2009	
Tarikh penerbitan	Rabu, 12 Mei 2010
Mesyuarat Agung Tahunan Ke-15	
Tarikh notis	Rabu, 12 Mei 2010
Tarikh mesyuarat	Khamis, 3 Jun 2010

# Pernyataan Visi dan Misi Korporat



**T**eras Pengurusan Kualiti Menyeluruh melahirkan  
**W**arga Kerja yang saling bermuafakat untuk merealisasi  
**P**encapaian Keuntungan & Produktiviti yang lebih tinggi

## Visi Korporat

Menjadi Syarikat Berjaya dalam menyediakan Penyelesaian dan Perkhidmatan kepada pelanggan dalam Industri Pemindahan Imej

## Pernyataan Misi Korporat

Untuk memaksimumkan Nilai Pemegang Berkepentingan melalui:-

- Tumpuan pada kemajuan berterusan dalam penyediaan penyelesaian dan operasi yang terunggul dalam memenuhi keperluan pelanggan dan berkembang bersama.
- Mengendaikan perniagaan dalam persekitaran yang sihat lagi selamat dan mematuhi undang-undang.
- Memupuk budaya pencapaian.
- Daya inovasi yang berterusan dengan penghasilan produk-produk baru dan perniagaan-perniagaan baru.





## KOMITMEN PENUH

Dedikasi terhadap memenuhi keperluan pelanggan  
Kecermelangan melalui kemahiran dan ketekunan



# Maklumat Korporat

Laporan Tahunan . 2009 . Annual Report

## LEMBAGA PENGARAH

Pengerusi Eksekutif  
TENGGU TAN SRI DR. MAHALEEL BIN TENGGU ARIFF

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas  
TUNG KUM HON

Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif  
GARY YEN

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas  
MEJ. JEN. (B) DATO' MOHAMED DAHALAN BIN SULAIMAN

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas  
LT. JEN. (B) DATUK HAJI ABDUL AZIZ BIN HASAN

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas  
MEJ. JEN. (B) DATUK ABDUL KADIR BIN NORDIN

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas  
DATO' LARRY GAN NYAP LIOU

Pengarah Eksekutif Bukan Bebas  
STANLEY MARK MITCHELL

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas  
GOH SENG CHUAN

## SETIAUSAHA SYARIKAT

TAI YIT CHAN (Cik)  
MAICSA 7009143

LIEW IRENE (Cik)  
MAICSA 7022609  
Tel: 03-7720 1188

## PEJABAT BERDAFTAR

Lot 6.05, Level 6  
KPMG Tower  
8 First Avenue, Bandar Utama  
47800 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: 03-7720 1188  
Faks: 03-7720 1111

## PENDAFTAR SAHAM

TRICOR INVESTOR SERVICES SDN. BHD.  
(Yang dahulunya dikenal sebagai  
Tenaga Koperat Sdn. Bhd.)  
Level 17, The Gardens North Tower  
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra  
59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 03-2264 3883  
Faks: 03-2282 1886

## JURUAUDIT

KPMG  
Chartered Accountants  
Level 10, KPMG Tower  
8 First Avenue, Bandar Utama  
47800 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: 03-7721 3388  
Faks: 03-7721 3399

## JURUBANK UTAMA

OCBC BANK (MALAYSIA) BERHAD  
HSBC BANK MALAYSIA BERHAD  
PUBLIC BANK BERHAD  
AFFIN BANK BERHAD

## PEJABAT UTAMA

### IBU PEJABAT

TIEN WAH PRESS HOLDINGS BERHAD  
(340434-K)  
9 Jalan Semangat  
46200 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-7956 3866, 7955 6233  
Faks: 03-7956 1228  
www.tienwah.com

### ANAK SYARIKAT

TIEN WAH PRESS (MALAYA) SDN. BHD.  
(3850-D)  
TIEN WAH PROPERTIES SDN. BHD.  
(428504-A)  
9 & 11 Jalan Semangat  
46200 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-7956 3866, 7955 6233  
Faks: 03-7956 1228, 03-7956 6925 (Jualan)  
E-mel: sales@tienwah.com

ALLIANCE PRINT TECHNOLOGIES CO LTD  
(463043000165)  
38, Huu Nghi Street  
Vietnam – Singapore Industrial Park  
Thuan An District  
Binh Duong Province  
Vietnam  
Tel: (84-650) 3767194, 3767195  
Faks: (84-650) 3767089, 3767459  
E-mel: erroltan\_apt@tienwah.com

TOYO (VIET) PAPER PRODUCT CO LTD  
(635/GP)  
A Street, Binh Chieu Industrial Park  
Thu Duc District  
Ho Chi Minh City  
Vietnam  
Tel: (84-08) 38971267  
Faks: (84-08) 37294888  
E-mel: zg.wong@newtoyo.com

ANZPAC SERVICES (AUSTRALIA) PTY  
LIMITED (ABN 25 000 032 164)  
32 Britton Street  
Smithfield  
New South Wales 2164  
Australia  
Tel: 61-2-8787 1305, 8787 1315  
Faks: 61-2-9757 1599  
E-mel: glenn.brailey@newtoyo.com  
www.anzpac.com.au

## SYARIKAT BERSEKUTU

BENKERT (MALAYSIA) SDN. BHD.  
(438453-M)  
15, Jalan Industri PBP 3  
Taman Industri  
Pusat Bandar Puchong  
47100 Puchong  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-5882 4010  
Faks: 03-5882 4020  
E-mel: gtlm@benkert.com.my  
www.benkert.com.my

## PENYENARAIAH BURSA SAHAM

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD  
Pasaran utama

(Disenaraikan sejak 2 Ogos 1996,  
dipindahkan ke Papan Utama sejak  
8 Oktober 2007)



# Struktur Korporat Kumpulan pada 12 Mei 2010

Laporan Tahunan . 2009 . Annual Report



## Tien Wah Press Holdings Berhad

(No. Syarikat: 340434-K)

Syarikat pemegang pelaburan  
Diperbadankan pada  
15 April 1995

Tien Wah Press (Malaya) Sdn. Bhd.  
(No. Syarikat: 3850-D)

Ekuiti 100%

Pencetakan rotogravur dengan pengkhususan dalam karton rokok dan bungkusan barangan pengguna dan pencetakan fotolitografi dengan pengkhususan dalam karton dan label bungkusan dan bahan pengiklanan.

Memulakan perniagaan pada Oktober 1961.

Tien Wah Properties Sdn. Bhd.  
(No. Syarikat: 428504-A)

Ekuiti 100%

Pemegangan hartanah pelaburan.

Memulakan perniagaan pada April 2004.

New Toyo Investments Pte. Ltd.  
(No. Syarikat: 199600807W)

Ekuiti 100%

Syarikat pemegang pelaburan.

Diperbadankan pada 1 Februari 1996.

Alliance Print Technologies Co. Ltd.  
(No. Syarikat: 463043000165)

Ekuiti 100%

Peruntukan perkhidmatan pencetakan bagi bungkusan tembakau dan perkhidmatan pembungkusan secara am.

Memulakan perniagaan pada Januari 2006.

Toyo (Viet) Paper Product Co. Ltd  
(No. Syarikat: 635/GP)

Ekuiti 100%

Peruntukan perkhidmatan pencetakan bagi bungkusan tembakau dan perkhidmatan pembungkusan secara am.

Memulakan perniagaan pada Julai 1993.

Max Ease International Limited  
(No. Syarikat: 1250981)

Ekuiti 51%

Penjualan, sub-kontrak dan pemberian lesen bagi pengilangan, pencetakan dan penjualan karton lipat bercetak dan bungkusan produk tembakau.

Memulakan perniagaan pada November 2008.

Anzpac Services (Australia) Pty Ltd  
(No. Syarikat: ABN 25000032164)

Ekuiti 100%

Peruntukan perkhidmatan pencetakan bagi bungkusan tembakau dan perkhidmatan pembungkusan secara am.

Memulakan perniagaan pada 1936.

Benkert (Malaysia) Sdn. Bhd.  
(No. Syarikat: 438453-M)

Ekuiti 30%

Pengilangan dan penjualan kertas standard dan rokok bertebuk.

Memulakan perniagaan pada Ogos 1997.

# PROFIL KORPORAT

## Perbadanan dan Aktiviti-aktiviti Utama

Tien Wah Press Holdings Berhad ("TWPH") diperbadankan di Malaysia pada 15 April 1995 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad dan ditukar menjadi syarikat awam pada 13 Jun 1995. Syarikat ini disenaraikan di Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur pada 2 Ogos 1996 dan berpindah ke Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 8 Oktober 2007. Aktiviti utamanya ialah pemegangan pelaburan sementara aktiviti subsidiari dan syarikat bersekutu adalah pencetakan rotogravur, pencetakan fotolitografi, perdagangan dan pencetakan bahan-bahan pangkal/hujung untuk kegunaan penapis rokok.

## Latar Belakang dan Gambaran Keseluruhan Perniagaan

Operasi Kumpulan TWP bermula dengan penubuhan Tien Wah Press (M) Sdn Bhd ("TWPM") pada 20 Julai 1960 dengan tenaga kerja 78 orang yang pada permulaannya melibatkan operasi pencetakan fotolitografi dengan pengkhususan dalam pencetakan buku dan pertukaran karton berlipat. Didorong oleh pertumbuhan perniagaannya yang mantap, TWPM meneroka teknologi pencetakan rotogravur pada tahun 1986 untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk karton rokok dan pada tahun 1989, ia seterusnya menerokai pencetakan bahan-bahan pangkal/hujung untuk kegunaan penapis rokok.

Sejak penyenaiaannya pada tahun 1996, Kumpulan TWP berkembang dengan lebih pesat dengan penubuhan syarikat-syarikat usaha sama; Benkert (M) Sdn Bhd ("Benkert") pada tahun 1998 dan Paper Base Converting Sdn Bhd ("PBC") pada tahun 1999. Benkert beroperasi sebagai ahli Benkert International Group yang merupakan pembekal utama kertas rokok bertebuk dan bercetak gravur bagi pengilang rokok global. PBC membuat kertas berlapis kerajang aluminium dan papan-kertas untuk pembungkusan rokok dan penggunaan lain seperti pembungkusan minuman keras dan kosmetik. PBC telah dijual kepada New Toyo Lamination (M) Pte Ltd, yang dianggap pemegang saham utama TWPH, pada 4 Disember 2008.

Pada tahun 2007, TWPH menyempurnakan pengambilalihan subsidiari milikan penuh, New Toyo Investments Pte Ltd ("NTIV") daripada New Toyo International Holdings Ltd ("NTIH"), pemegang saham mutlak TWPH. NTIV adalah sebuah syarikat pemegang pelaburan yang memiliki 100% Alliance Print Technologies Co. Ltd ("APT") di Vietnam. Pengambilalihan ini membolehkan Kumpulan TWP memasuki Vietnam, pasaran di Asia Tenggara dengan pertumbuhan yang kukuh, rejim cukai yang menarik dan kos pengeluaran yang rendah.

Pada 8 September 2008, TWPH mengambilalih Max Ease International Limited ("MEIL"), sebuah syarikat yang diperbadankan dan berdomisil di Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong Republik Rakyat China, dan ditukar menjadi syarikat usaha sama dengan NTIH. Melalui MEIL, Kumpulan TWP memperluaskan operasinya ke Australasia dengan mengambilalih Anzpac Services (Australia) Pty Ltd ("Anzpac"), yang pusat operasinya di Sydney, Australia. Pengambilalihan Anzpac disempurnakan pada 31 Oktober 2008.

Pada tahun 2008 juga, Kumpulan, bersama-sama dengan pemegang saham utama dan syarikat induk mutlak New Toyo International Holdings Ltd, berjaya membida perjanjian bekalan eksklusif tujuh tahun membekalkan keperluan karton bercetak British American Tobacco di Australasia, Vietnam, Singapura dan Malaysia. Pemenuhan syarat-syarat perjanjian ini kini mewakili perniagaan teras Kumpulan.

Pada tahun 2009, TWPH mengambilalih Toyo (Viet) Paper Product Co. Ltd., sebuah syarikat yang diperbadankan dan berdomisil di Vietnam. Langkah ini merupakan salah satu daripada strategi yang diambil oleh Kumpulan untuk menambah kapasiti operasi.

Operasi perkilangan Kumpulan TWP buat masa sekarang bertapak di kilang-kilang berlokasi di Petaling Jaya dan Puchong di Malaysia, Taman Perindustrian Vietnam-Singapura dan Taman Perindustrian Binh Chieu di Bandar Raya Ho Chi Minh, Vietnam, dan Smithfield, Sydney, Australia. TWP mempunyai reputasi sebagai syarikat pencetakan bungkusan berkualiti tinggi yang menawarkan bahan berkualiti tinggi dengan menggunakan teknologi pencetakan terkini. Dari segi bahagian pasaran, Kumpulan TWP adalah salah satu daripada 5 pencetak terunggul di Malaysia dan pemain utama di Asia Tenggara dan Australasia. Disokong oleh lebih kurang 700 kakitangan, Kumpulan TWP akan terus memberikan tumpuan dalam membangunkan kecekapan teras dan meyatupadukan kekuatannya untuk membolehkan kami mempertahankan penerajuan dalam industri tempatan mahupun global.

Kumpulan TWP, yang ditubuhkan lebih dari lima dekad yang lalu dan dibangunkan atas dasar kedudukan kewangan yang kukuh, tenaga kerja berdedikasi dan penguasaan pasaran yang luas, bertekad dengan teguh untuk terus menyediakan produk dan perkhidmatan berkualiti kepada pelanggannya.



# Ringkasan Kewangan Lima Tahun Kumpulan

Laporan Tahunan . 2009 . Annual Report


	2009	2008	2007	2006	2005
<b>KEUNTUNGAN</b>					
Penyata pendapatan yang disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember (RM '000)					
Hasil	328,610	186,059	129,633	115,814	113,769
Kos penjualan	261,000	143,259	101,163	91,979	89,846
Keuntungan operasi	26,554	24,056	16,003	13,603	15,573
Keuntungan sebelum cukai	28,369	25,076	16,662	13,926	16,272
Keuntungan yang diagihkan kepada pemegang saham syarikat	15,450	18,705	14,056	8,437	10,936
<b>DATA KUNCI KIRA-KIRA UTAMA</b>					
Kunci kira-kira yang disatukan pada 31 Disember (RM '000)					
Modal saham	68,925	68,925	68,807	45,637	45,362
Dana pemegang saham	155,953	141,170	126,608	119,227	120,206
Aset tak ketara	53,022	54,176	14,975	-	-
Hartanah, loji dan peralatan termasuk bayaran pajakan prabayar	241,927	208,711	117,466	78,193	60,461
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	7,821	6,006	5,166	4,507	4,184
Aset bukan semasa lain	3,934	2,444	591	-	-
Aset semasa	138,677	113,370	63,668	74,182	84,122
Jumlah aset	445,381	384,707	201,866	156,882	148,767
Liabiliti bukan semasa	163,542	149,502	22,083	11,017	10,255
Liabiliti semasa	107,887	90,803	48,868	15,731	7,959
Jumlah liabiliti	271,429	240,305	70,951	26,748	18,214
Jumlah peminjaman (jangka panjang/jangka pendek)	175,745	159,453	24,605	1,245	-
<b>MAKLUMAT SAHAM</b>					
Perolehan kasar sesaham (sen)	41.2	36.4	24.2	30.5	35.9
Perolehan bersih sesaham (sen)	22.4	27.1	20.4	18.5	24.1
Sokongan aset bersih sesaham (RM)	2.26	2.05	1.84	2.61	2.65
Dividen – bersih (sen)	15.0	13.1	16.0	15.0	12.0
Harga saham pada 31 Disember (RM)	1.80	1.20	1.42	1.87	1.82
<b>NISBAH KEWANGAN</b>					
Pulangan atas hasil (%)	4.7	10.0	10.8	7.3	9.6
Pulangan atas modal berbayar (%)	22.4	27.1	20.4	18.5	24.1
Pulangan atas dana pemegang saham (%)	9.9	13.2	11.1	7.1	9.1
Penggaraan (peminjaman bersih kepada dana pemegang saham) - kali	1.13	1.13	0.19	0.01	-




# Ringkasan Kewangan Lima Tahun Kumpulan

Laporan Tahunan . 2009 . Annual Report


**Hasil**  
Keuntungan (RM' juta)




**Untung Bersih yang Diagihkan Kepada Pemegang Saham Syarikat**  
Keuntungan (RM' juta)




**Jumlah Aset**  
Data Kunci Kira-kira Utama (RM'juta)




**Dana Pemegang Saham**  
Data Kunci Kira-kira Utama (RM'juta)



**Perolehan Bersih Sesaham**  
Maklumat Saham (sen)



**Sokongan Aset Bersih Sesaham**  
Maklumat Saham (sen)





## Prestasi Pasaran Saham pada tahun 2009

Disebabkan oleh peristiwa-peristiwa semasa kedua-dua tahun yang lepas, Indeks Komposit Kuala Lumpur ("KLCI") memulai tahun ini pada tahap yang lemah, hanya mencatat 884.4 mata bagi bulan Januari. Keyakinan pelabur yang rendah, ditambah dengan kemelesetan tempatan, merudumkan pasaran sepanjang suku pertama tahun ini.

Pasaran melantun dengan ketaranya pada suku tahun kedua. Disokong oleh peningkatan pendapatan korporat, berita tentang pertumbuhan ekonomi yang positif di ekonomi tempatan mahupun di pasaran eksport utama, pakej rangsangan kerajaan dan liberalisasi sektor kewangan tempatan, KLCI terus naik selama baki tahun. Malahan berita buruk yang datang dari Dubai dan Greece gagal untuk membendung sentimen pasaran bagi suatu tempoh yang lama.

Bagi tahun 2009, KLCI telah memperoleh 396.0 mata atau 45.2% dibandingkan dengan kehilangan 39.3% bagi tahun 2008 untuk tutup pada 1,272.8 mata pada 31 Disember 2009.

Prospek untuk pasaran saham bagi tahun 2010 adalah optimis. Data dari kedua-dua ekonomi baru muncul dan maju menunjukkan bahawa yang terburuk sudah berakhir. Sementara prospek ekonomi Eropah yang tertentu tetap tidak menentu, ekonomi negara-negara seperti Amerika Syarikat, China, Australia, Vietnam dan Malaysia sama ada tidak pernah mengalami kemelesetan, atau sudah pun terlepasnya. Selagi pasaran tidak mengalami kejutan baru, KLCI seharusnya meningkat lagi sepanjang tahun akan datang.

## Prestasi Harga Saham Tien Wah Press ("TWP") pada tahun 2009

Meskipun kelembapan umum menembusi pasaran pada bulan-bulan awal tahun ini, saham TWP menunjukkan prestasi yang baik. Kekuatan kewangan Kumpulan, ditambah dengan harga saham yang rendah menjadikan saham TWP menarik untuk dibeli. Akibatnya, harga saham TWP mula pulih lebih awal berbanding pasaran selebihnya secara umum.

Saham TWP terus diperdagangkan dengan rancak pada bulan-bulan berikutnya, mencapai tahap pra-krisis kewangan pada akhir Julai. Harga saham akhirnya menokok puncaknya pada bulan September pada RM2.29 sebelum mendatar.


Harga saham TWP tutup tahun pada RM1.80, naik RM0.60 atau 50.0% dari permulaan tahun. Sebagai perbandingan, KLCI hanya meningkat 45.2%. Banyak faktor bergabung menjadikan TWP pilihan pelaburan yang teguh, terutamanya pertumbuhan dan bayaran dividen yang mantap walaupun dalam iklim ekonomi yang tidak menentu.

Pada tahun ini, dividen bersih sebanyak 7.1% sesaham biasa telah dibayar pada 25 Jun 2009, dan dividen bersih 6.0% pada 8 Oktober 2009. Berdasarkan harga penutup saham RM1.80 sesaham pada akhir tahun, ini bersamaan dengan hasil dividen sebanyak 7.3% bagi tahun tersebut. Digabungkan dengan laba modal dari harga saham yang lebih tinggi, jumlah pulangan pelabur untuk tahun tersebut ialah 60.9%.




	Jan	Feb	Mar	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
KLCI (mata)	884.45	890.67	872.55	990.74	1,044.11	1,075.24	1,174.90	1,171.28	1,202.08	1,243.23	1,259.11	1,272.28
Harga Saham TWP (RM)	1.25	1.38	1.41	1.50	1.51	1.55	1.80	1.97	1.90	1.89	1.84	1.80

**Harga Saham TWP dan KLCI Pada Tahun 2009**



	Jan	Feb	Mar	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
Tinggi (RM)	1.26	1.50	1.55	1.65	2.00	1.64	1.82	2.10	2.29	1.93	1.91	1.90
Rendah (RM)	1.19	1.22	1.22	1.39	1.49	1.50	1.51	1.80	1.82	1.81	1.77	1.75
Volum ('000)	167	101	244	1,186	2,856	1,303	1,505	1,258	469	338	194	278

**Prestasi Saham TWP pada Tahun 2009**





## PEMENANG

Juara berprestasi tinggi

Dikaqumi dan berreputasi dalam bidang percetakan



# Profil Lembaga Pengarah

Laporan Tahunan . 2009 . Annual Report

## Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel bin Tengku Ariff

Pengarah Eksekutif Bukan Bebas  
Pengerusi  
Warga Malaysia, 64 tahun

Beliau dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Tien Wah Press Holdings Berhad ("TWPH") dan dipilih menjadi Pengerusi Eksekutif pada 20 November 2006. Beliau telah menghadiri kesemua tujuh mesyuarat Lembaga yang diadakan pada tahun kewangan.

Beliau mempunyai latar belakang kerjaya berbeza yang merangkumi tempoh 40 tahun. Beliau memulakan kerjaya di Jabatan Pemasaran dan Jualan, Nestlé, sebelum menyertai Shell Malaysia pada tahun 1974 selama 20 tahun. Beliau kemudian meninggalkan Shell Malaysia untuk menyertai New Toyo, Mofaz dan Proton. Sepanjang tahun-tahun ini, beliau memperoleh pengalaman daripada pelbagai industri, termasuklah bidang barangan pengguna yang kerap beli, makanan, pembungkusan kertas, pengedaran rokok, minyak, marin, penerbangan dan automotif. Beliau pernah menjadi wakil Malaysia dalam Majlis Ekonomi Asia Pasifik dan Majlis Penasihat Perniagaan Asean. Beliau kini menganggotai Lembaga Penasihat di Sekolah Lulusan Ijazah Perniagaan, Universiti Sains Malaysia dan merupakan ahli bakal Lembaga Serantau Sekolah Perniagaan London.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1970, dan telah menghadiri kursus-kursus dari Harvard, London School of Economics dan Manchester Business School dalam Strategi, Pengurusan Strategik dan Pemasaran.

Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel bin Tengku Ariff adalah ahli Lembaga Pengarah New Toyo International Holdings Ltd ("NTIH"), sebuah syarikat yang tersenarai di Papan Utama, Bursa Saham Singapura, Nestlé (Malaysia) Berhad dan beberapa syarikat lain yang tidak tersenarai.

Beliau dianggap berkepentingan dalam transaksi berulang parti berkaitan ("RRPT") atas sebab kaitan beliau dengan NTIH, pemegang saham utama TWPH melalui pemegangan saham dalam Tien Wah Holdings (1990) Sdn. Bhd. ("TWH1990") dan Singapore Pacific Investments Pte Ltd ("SPI").

## En. Gary Yen

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas  
Timbalan Pengerusi  
Warga Australia, 36 tahun

Beliau dilantik sebagai ahli Lembaga TWPH pada 20 November 2006. Beliau juga ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Kewangan. Beliau telah menghadiri lima daripada tujuh mesyuarat Lembaga yang diadakan pada tahun kewangan.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dari Universiti Flinders, Australia Selatan. Beliau kini Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif NTIH. Sebelum menyertai Kumpulan NTIH, beliau adalah Pengurus Besar sebuah syarikat kertas tisu yang beroperasi di Vietnam.

En. Gary Yen dianggap mempunyai kepentingan dalam RRPT atas sebab beliau adalah orang yang berkait dengan NTIH, pemegang saham utama TWPH melalui pemegangan saham dalam TWH1990 dan SPI di samping merupakan anak lelaki kepada Encik Yen Wen Hwa yang dianggap pemegang saham yang besar di TWPH melalui pemegangan sahamnya yang tidak kurang daripada 15% dalam NTIH.



# Profil Lembaga Pengarah

Laporan Tahunan . 2009 . Annual Report

Lt. Jen (B) Datuk Haji Abdul Aziz bin Hasan

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas  
Warga Malaysia, 64 tahun

Beliau dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah TWPH dan dipilih sebagai Pengerusi pada 1 November 2000. Berikutan dengan Tawaran Pengambilalihan Mandatori Bersyarat oleh SPI (sebuah anak syarikat milikan penuh NTIH), beliau telah meletak jawatan sebagai Pengerusi dan kekal sebagai pengarah bukan eksekutif bebas TWPH berkuatkuasa dari 20 November 2006. Beliau juga berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Audit, Pencalonan, dan Ganjaran. Beliau telah menghadiri kesemua tujuh mesyuarat Lembaga yang diadakan pada tahun kewangan.

Beliau mempunyai lebih daripada 37 tahun pengalaman dalam perkhidmatan tentera, selepas ditauliahkan sebagai Leftenan Muda pada tahun 1965 berikutan latihan kadet ketenteraan selama dua tahun, sehingga ke pangkat Leftenan Jeneral dan perlantikan sebagai Timbalan Ketua Tentera Angkatan Tentera Malaysia sehingga persaraan beliau pada 14 Mar 2001. Antaranya, beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pegawai Regimen, Pegawai Staf, Jurulatih, Pegawai Perintah, Pengarah Artileri, Perancang Ketenteraan, Fil Komander Briged, Divisyen dan Markas Medan. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan kepujian dari Universiti Sains Malaysia dan Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (MBA) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Lt. Jen (B) Datuk Abdul Aziz bin Hasan kini menganggotai Lembaga Pengarah Hap Seng Consolidated Berhad, Nam Fatt Corporation Berhad dan beberapa buah syarikat yang tidak tersenarai.

Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Kumpulan dan tidak mempunyai perhubungan keluarga dengan mana-mana pengarah ataupun pemegang saham utama Kumpulan TWP.

Mej Jen (B) Datuk Abdul Kadir bin Nordin

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas  
Warga Malaysia, 68 tahun

Beliau dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah TWPH pada 2 September 1999. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan Kewangan dan adalah ahli Jawatankuasa Risiko. Beliau telah menghadiri kesemua tujuh mesyuarat Lembaga yang diadakan pada tahun kewangan.

Beliau telah berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia selama 34 tahun dan juga berkhidmat sebagai Pengarah Koperasi Tentera selama 6 tahun. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengarah Sumber Manusia di SUKOM Ninety-Eight Berhad selepas beliau bersara dari Angkatan Tentera.

Kini, Mej Jen (B) Datuk Abdul Kadir bin Nordin memegang jawatan pengarah di Kumpulan Syarikat TWPH dan beberapa buah syarikat yang tidak tersenarai.

Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Kumpulan dan tidak mempunyai perhubungan keluarga dengan mana-mana pengarah ataupun pemegang saham utama Kumpulan TWP.

Mej Jen (B) Dato' Mohamed Dahalan bin Sulaiman

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas  
Warga Malaysia, 72 tahun

Beliau dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah TWPH pada 3 Mei 1996. Beliau juga ahli Jawatankuasa Ganjaran. Beliau telah menghadiri kesemua tujuh mesyuarat Lembaga yang diadakan pada tahun kewangan.

Beliau memiliki Sijil Persekolahan Cambridge dan telah berkhidmat selama beberapa tahun dalam angkatan tentera dan Kementerian Pertahanan. Selepas beliau bersara dari Angkatan Tentera pada tahun 1993, beliau memegang jawatan Pengurus Besar di Rentak Gagah Security Services Sdn Bhd sehingga tahun 1999.

Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Kumpulan dan tidak mempunyai perhubungan keluarga dengan mana-mana pengarah ataupun pemegang saham utama Kumpulan TWP.



# Profil Lembaga Pengarah

Laporan Tahunan . 2009 . Annual Report

## En. Tung Kum Hon

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas  
Warga Malaysia, 51 tahun

Beliau dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah TWP pada 20 November 2006. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan merupakan ahli Jawatankuasa Audit dan Pelaburan & Kewangan. Beliau telah menghadiri kesemua tujuh mesyuarat Lembaga yang diadakan pada tahun kewangan.

Beliau adalah seorang Akauntan Bertauliah dan ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia.

En. Tung Kum Hon kini adalah Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan Shanghai Asia Holdings Limited ("SAH"), sebuah syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Saham Singapura dan sebuah syarikat bersekutu NTIH. Beliau mempunyai lebih daripada 15 tahun pengalaman dalam perakaunan awam, serta khidmat nasihat perniagaan dan kewangan korporat dengan PricewaterhouseCoopers dan KPMG. Beliau juga bekas Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Syarikat Bintang Melewar, Naib Presiden Kanan Kewangan Korporat dan Pembangunan NTIH dan Penolong Khas kepada Pengerusi Eksekutif NTIH.

Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Kumpulan dan tidak mempunyai perhubungan keluarga dengan mana-mana pengarah ataupun pemegang saham utama Kumpulan TWP.

## Dato' Larry Gan Nyap Liou

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas  
Warga Malaysia, 55 tahun

Beliau dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah TWP pada 20 November 2006. Beliau berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Risiko. Beliau telah menghadiri enam dari tujuh mesyuarat Lembaga yang diadakan pada tahun kewangan.

Beliau berkhidmat selama 26 tahun dengan Accenture, sebuah firma perundingan terkemuka dunia, di mana beliau banyak memegang peranan-peranan kepimpinan global, memberi khidmat runding dalam beberapa projek strategik organisasi kerajaan dan syarikat multinasional dan bekerja dengan teknologi inovasi di serata dunia. Beliau adalah Rakan Pengurusan Malaysia dari tahun 1989 hingga 2004, Rakan Pengurusan ASEAN dari tahun 1993 hingga 1996, dan Rakan Pengurusan ASIA dari tahun 1997 hingga 1999. Sebagai Rakan Pengurusan, Pembangunan Korporat, ASIA PASIFIK dari tahun 1999 hingga 2002, beliau menguruskan Dana Pelaburan syarikat yang bernilai multibilion di Asia Pasifik dan pelaburan mantap di China, Jepun, Australia dan Singapura. Di antara tahun 1997 dan 2004, beliau adalah ahli Majlis Pengurusan Global dan menganggotai banyak jawatankuasa pengurusan global yang menangani kemasukan ahli, ganjaran dan gantirugi.

Beliau berkhidmat sebagai Pengerusi Persatuan Industri Komputer Malaysia (PIKOM) dan Naib Presiden Persatuan Organisasi Industri Komputer Asia Oceania, dan sebagai ahli kumpulan pemikir Kementerian Sains dan Teknologi, Tribunal Hakcipta, Jawatankuasa Bursa Kewangan Labuan, MIMOS Berhad (Penyelidikan Teknologi Kerajaan) dan Majlis Perniagaan AS Malaysia. Beliau juga adalah Pengerusi Redtone International Bank Berhad, dan Ahli Lembaga IPGA Limited (Aust) dan AmInvestment Bank Berhad.

Kini, beliau adalah Pengerusi Cusapi Berhad, Ahli Lembaga Tanjong Plc, AmBank (M) Berhad, AmDevelopment Berhad, Lotus International Group Limited (UK), dan Saujana Berhad. Beliau juga adalah ahli Lembaga Kumpulan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti, Timbalan Pengerusi Dewan Perniagaan British Malaysian, Timbalan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tuanku Nur Zahirah (Yayasan Tunku Permaisuri yang khusus meningkatkan kehidupan melalui warisan) dan Pemegang Amanah bagi Pusat Warisan Arkitektur Asia Tenggara.

Dato' Larry Gan adalah seorang Akauntan Bertauliah dan Perunding Pengurusan Bertauliah.

Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Kumpulan dan tidak mempunyai sebarang perhubungan keluarga dengan mana-mana pengarah ataupun pemegang saham utama Kumpulan TWP.



# Profil Lembaga Pengarah

Laporan Tahunan . 2009 . Annual Report

## Mr. Goh Seng Chuan

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas  
Warga Malaysia, 74 tahun

Beliau dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah TWPH pada 12 Jun 2007. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Ganjaran dan ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Risiko. Beliau telah menghadiri kesemua tujuh mesyuarat Lembaga yang diadakan pada tahun kewangan.

Beliau memiliki diploma dalam Kejuruteraan Kimia, diploma dalam Kimia Gunaan dan adalah ahli Institut Kimia Diraja Australia. Seorang Bekas Fellow Institut Petroleum, beliau bersara dari industri minyak pada tahun 1994, setelah bekerja lebih daripada 34 tahun dengan BP Malaysia dalam sektor hiliran di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Beliau dilantik menganggotai Lembaga Pengarah BP Malaysia pada tahun 1985 sebagai Pengarah Pemasaran sebelum bersara sebagai Pengarah Eksekutif Perniagaan Komersial. Beliau kemudian menyertai Toyoma Aluminium Foil Packaging Sdn Bhd, sebuah syarikat pengilangan produk kertas sebagai Pengarah Urusan dan bersara pada tahun 2001.

Beliau mengetuai Yayasan Buah Pinggang Malaysia sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dari tahun 2002 hingga 2007. Beliau dilantik sebagai ahli majlis Persekutuan Majikan Malaysia dan adalah bekas pengerusi/penyampai Jawatankuasa Keselamatan, Kesihatan, dan Alam Sekitar, Dewan Perniagaan Antarabangsa dan Industri Malaysia.

Beliau tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Kumpulan dan tidak mempunyai sebarang perhubungan keluarga dengan mana-mana pengarah ataupun pemegang saham utama Kumpulan TWP.

## En. Stanley Mark Mitchell

Pengarah Eksekutif Bukan Bebas  
Warga Australia, 58 tahun

Beliau menyertai TWPH sebagai Ketua Perniagaan, Karton dan Label Bercetak pada 25 September 2008, dan telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah TWPH pada 15 Jun 2009. Beliau telah menghadiri kesemua tiga mesyuarat Lembaga yang diadakan selepas pelantikannya pada tahun kewangan.

En. Mark Mitchell memiliki Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dari Universiti Newcastle, New South Wales ("NSW"), Australia.

Beliau pernah memegang jawatan pengurusan kanan dalam operasi-operasi pengilangan, terutamanya di Asia, selama 30 tahun. Sejak tahun 1981, selaku Pengarah Kewangan anak syarikat BHP di Jakarta, Indonesia, beliau telah memperolehi pengalaman menubuh dan mengurus operasi pengilangan di Negara Cina, Singapura, Malaysia dan kebelakangan ini di Indonesia, di mana beliau adalah Presiden sebuah perniagaan barangan pengguna gerak pantas. En. Mark Mitchell mempunyai pengetahuan mendalam tentang pembungkusan tembakau, sesudah berkhidmat di dalam bidang pembekalan dengan Amcor di Asia, dan bidang perolehan dengan Rothmans dan British American Tobacco ("BAT") Australasia.

Beliau dianggap berkepentingan dalam RRPT disebabkan hubungan beliau dengan NTIH, pemegang besar TWPH melalui pemegangan sahamnya dalam TWH1990 dan SPI.

Kecuali yang didedahkan, tiada Pengarah disabitkan atas apa-apa kesalahan dalam tempoh sepuluh (10) tahun yang lalu kecuali kesalahan lalu lintas, jika ada.



# Profil Pengurusan Kanan

Laporan Tahunan . 2009 . Annual Report

## AHLI-AHLI EXCO

### EN. STANLEY MARK MITCHELL

Ketua Perniagaan, Karton dan Label Bercetak  
Tien Wah Press Holdings Berhad

Warga Australia, Umur 58 tahun

Mark Mitchell memiliki Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dari Universiti Newcastle, New South Wales ("NSW"), Australia.

Beliau pernah memegang jawatan pengurusan kanan dalam operasi-operasi pengilangan, terutamanya di Asia, selama 30 tahun. Sejak tahun 1981, selaku Pengarah Kewangan anak syarikat BHP di Jakarta, Indonesia, beliau telah memperolehi pengalaman menubuh dan mengurus operasi pengilangan di Negara Cina, Singapura, Malaysia dan kebelakangan ini di Indonesia, di mana beliau adalah Presiden sebuah perniagaan barangan pengguna gerak pantas. Mark Mitchell mempunyai pengetahuan mendalam tentang pembungkusan tembakau, sesudah berkhidmat dalam bidang pembekalan dengan Amcor di Asia, dan bidang perolehan dengan Rothmans dan British American Tobacco ("BAT") Australasia.

Mark Mitchell adalah ahli Lembaga Pengarah dan juga ahli Lembaga Pengarah bagi beberapa buah anak syarikat dalam Kumpulan.

Butiran profil Mark Mitchell juga terdapat dalam Profil Lembaga Pengarah yang terkandung dalam Laporan Tahunan ini.

### EN. DEAN ANTHONY SCHOFIELD

Pengarah Operasi Serantau  
Tien Wah Press Holdings Berhad

Warga Australia, Umur 44 tahun

Dean Schofield adalah graduan Kolej Percetakan dan Seni Grafik, Melbourne Utara, Victoria, Australia.

Dean Schofield memulakan kerjaya beliau pada tahun 1987 sebagai Pengurus Latihan "Gravur" dengan Leigh-Mardon Pacific Packaging, Singapura, di mana beliau telah membantu dalam pembangunan loji pertama mereka di Asia. Pada tahun 1997, beliau ditukarkan ke Leigh-Mardon, Beijing, China sebagai Pengurus Teknikal untuk menubuh sebuah kilang yang baru. Sejak itu, beliau telah memegang pelbagai jawatan kanan dengan Leigh-Mardon di Negara Cina, Malaysia, dan Singapura, Shorewood Packaging di Negara Cina, dan Alcan Packaging di AS, Kanada, Singapura dan Malaysia. Jawatan terkini beliau adalah selaku Pengarah Operasi Serantau dan Ketua Peningkatan Perniagaan Global dengan Alcan Packaging.

Dean Schofield menyertai Kumpulan TWP pada Februari 2010 dan bertanggungjawab untuk menaikkan Kumpulan ke peringkat yang lebih tinggi, dengan memberi penekanan kepada pertumbuhan, keuntungan, dan keberlanjutan jangka panjang.



# Profil Pengurusan Kanan

Laporan Tahunan . 2009 . Annual Report

## AHLI-AHLI EXCO

### EN. ONG LIANG WIN

Pengurus Besar, Unit Ekonomi Perniagaan dan Pembangunan  
Tien Wah Press Holdings Berhad

Warga Malaysia, Umur 47 tahun

Ong Liang Win adalah Akauntan Bertauliah dari Institut Akauntan Berkanun England & Wales dan memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (mengkhusus dalam Akaun dan Kewangan) dari Universiti Lancaster, England.

Sebelum menyertai TWPH, beliau berkhidmat sebagai Pengarah/Pengurus Besar Kumpulan untuk Eksons Corporation Berhad dari tahun 1999 hingga 2004. Beliau kini menganggotai Lembaga Pengarah Selangor Properties Berhad selaku Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Beliau mempunyai pengalaman yang tidak ternilai dalam pelbagai bidang, sejak permulaan kerjayanya pada tahun 1985 sebagai Juruaudit dengan Robson Rhodes, Manchester, England dan pernah memegang pelbagai jawatan kanan dalam syarikat-syarikat pembangunan hartanah, pembinaan, pengilangan dan pelaburan.

Ong Liang Win menyertai TWPH pada tahun 2004 sebagai Pengurus Besar Kumpulan dan kemudian pada tahun 2006 beliau dipertanggungjawabkan bagi Unit Pembangunan Perniagaan Baru Kumpulan. Disebabkan oleh evolusi perniagaan pada tahun 2010, beliau telah didesignasi semula ke peranan kininya dan bertanggungjawab bagi menubuhkan Unit Ekonomi Perniagaan dan Pembangunan. Beliau memainkan peranan penting dalam perolehan/pelupusan perniagaan baru, mengoptimumkan keuntungan dan kecekapan kos bagi kumpulan TWP.

### EN. ONG KIOK TENG

Pengurus Besar  
Tien Wah Properties Sdn Bhd ("TWPP")  
Bahagian Hartanah - Malaysia

Warga Malaysia, Umur 46 tahun

Ong Kiok Teng memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dari Universiti Teknologi Swinburne, Melbourne, Australia.

Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1985 dengan Crooks Michell Peacock Stewart (CMPS) Pty Ltd, sebuah syarikat perunding kejuruteraan dan pengurusan projek di Australia. Sebelum berkhidmat dengan Kumpulan TWP, beliau berkhidmat dengan Mega First Corporation Berhad dan sepanjang pengalaman beliau yang meluas, beliau terlibat dalam pelbagai pembangunan hartanah dan industri pembinaan. Beliau mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman dan telah menyempurnakan pelbagai projek pembangunan komersial dan perumahan.

Beliau menyertai Kumpulan TWP pada tahun 2008 dan bertanggungjawab terhadap Bahagian Hartanah.

### PN. LILIAN LEONG LAI YOONG

Pengawal Kewangan  
Tien Wah Press Holdings Berhad

Warga Malaysia, Umur 45 tahun

Lilian Leong memiliki Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dengan pengkhususan dalam Perakaunan dan Sistem Maklumat dari Universiti New South Wales, Australia. Beliau adalah ahli Institut Akauntan Malaysia dan ahli rakan CPA Australia.

Beliau memulakan kerjaya dengan Powell Kwok Baker sebagai Akauntan Siswazah di mana beliau terlibat dalam hal-ehwal akaun dan cukai. Berikunya pada tahun 1987, beliau menyertai Nelson Parkhill BDO sebagai juruaudit dan seterusnya menyertai Halwood Corporation Ltd sebagai Akauntan Pengurusan Korporat.

Beliau menyertai TWPM pada tahun 1990 sebagai Pengurus Kewangan sebelum jawatan semasa selaku Pengawal Kewangan. Beliau bertanggungjawab bagi keseluruhan hal kewangan Kumpulan TWP.



# Profil Pengurusan Kanan

Laporan Tahunan . 2009 . Annual Report

## KETUA BAHAGIAN

### EN. DARREN JOHN DAVIES

Pengurus Besar  
Tien Wah Press (M) Sdn Bhd ("TWPM")  
Bahagian Percetakan - Malaysia

Warga Australia, Umur 45 tahun

Darren Davies adalah graduan dari Sekolah Perniagaan Melbourne dan mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman bekerja, termasuk 10 tahun dalam industri percetakan. Latar belakang Darren adalah berasaskan kemahiran perniagaan dan kewangan yang kukuh, rekabentuk syarikat yang inovatif serta pelaksanaan amalan perniagaan terbaik. Dengan ringkasnya, sebelum menyertai TWPM, Darren adalah Pengurus Besar, Percetakan untuk Blue Star Print Group (2007-2009); Pengurus Besar, Pembangunan Perniagaan bagi Heidelberg Australia dan New Zealand (2000-2007); dan Eksekutif Akaun Kanan untuk General Electric Inc., GE Capital Equipment Finance (1998-2000).

Darren Davies menyertai Kumpulan TWP pada November 2009. Beliau bertanggungjawab untuk membangun dan melatih operatif tempatan, untuk menjelas dan melaksanakan amalan terbaik prosedur teknikal serta mengurus prestasi keseluruhan operasi TWPM.

### EN. STEVEN CHAN CHEK TENG

Pengurus Besar, Bahagian Gravur dan Lito  
(akan bersara pada Julai 2010)  
Tien Wah Press (M) Sdn Bhd ("TWPM")  
Bahagian Percetakan - Malaysia

Warga Malaysia, Umur 55 tahun

Steven Chan memiliki Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Wales, UK. Beliau juga memiliki Diploma Pascaijazah dalam Pentadbiran Perniagaan dan Diploma Lanjutan dalam Pemasaran dari Institut Pengajian Tinggi Swansea, UK dan Diploma dalam Pengurusan Perindustrian dan Operasi dari The Charter Management Institute, UK. Beliau adalah ahli Institut Pengurusan Berkanun dan Institut Percetakan, UK (Cawangan Malaysia).

Sebelum menyertai TWPH, beliau adalah Pengurus Besar serta Naib Presiden Kanan bagi MBF Printing Berhad. Beliau mempunyai lebih daripada 30 tahun pengalaman dalam industri percetakan.

Steven Chan menyertai Kumpulan TWP pada tahun 2002 sebagai Pengurus Kilang dan kemudiannya dinaikkan pangkat ke jawatan terkini pada tahun 2004. Beliau bertanggungjawab bagi keseluruhan operasi percetakan di Malaysia. Oleh kerana beliau akan bersara pada Julai 2010, beliau akan melepaskan tugasnya dan menasihati Darren Davies dalam pengurusan operasi TWPM.

### EN. LLOYD YOONG LOONG YAN

Ketua Rantaian Bekalan  
Tien Wah Press (M) Sdn Bhd ("TWPM")  
Bahagian Percetakan - Malaysia

Warga Malaysia, Umur 39 tahun

Lloyd Yoong memiliki Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Australia Barat, Perth, dengan dua pengkhususan dalam Komputer dan Sains Bermatematik. Beliau mempunyai lebih daripada 16 tahun pengalaman dalam industry percetakan dan pembungkusan. Beliau bertanggungjawab bagi bidang-bidang penjadualan, pengeluaran, khidmat pelanggan dan teknikal, pembelian, logistik dan pembangunan projek. Portfolio beliau termasuk (antara lain) menyepadukan aktiviti rantai bekalan organisasi, memacu program Peningkatan Berterusan dan Penyelenggaraan Produktif Menyeluruh, serta memimpin ke arah Pensijilan ISO 14001 & OHSAS 18001.

Lloyd Yoong menyertai Kumpulan TWP pada Jun 2009 dengan jawatan kini dan diberi mandat untuk memimpin dan mengurus semua aspek rantai bekalan TWPM.



# Profil Pengurusan Kanan

Laporan Tahunan . 2009 . Annual Report

## KETUA BAHAGIAN

### EN. FRANK FEDERICO

Pengurus Besar  
Anzpac Services (Australia) Pty Limited ("Anzpac")  
Bahagian Percetakan - Australia

Warga Australia, Umur 43 tahun

Frank Federico memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) daripada Universiti Teknologi, NSW, Australia. Beliau pernah dianugerahkan dengan banyak daftaran rekabentuk pembungkusan karton di Australia dan pernah memegang jawatan selaku eksekutif dalam Lembaga Majlis Pembungkusan NSW Australia.

Frank Federico berpengalaman bekerja di dalam bidang karton fleksibel dan berkerut, industri botol gelas dan pembungkusan karton lipatan. Beliau pernah memegang beberapa jawatan pengurusan utama di Anzpac dan berperanan penting dalam membina sistem jaminan kualiti untuk memperoleh pentauliahan ISO9001 dan HACCP pada pertengahan 1990-an. Beliau mempunyai pengalaman luas di dalam pembungkusan tembakau setelah terlibat dalam pembekalan kepada Rothmans dan BAT di Australia dan rantau Asia Tenggara sejak tahun 1992.

Frank Federico menyertai Kumpulan TWP apabila TWPH memperoleh Anzpac pada September 2008 melalui Max Ease International Limited, sebuah syarikat usahasama dengan NTIH. Beliau bertanggungjawab terhadap pengurusan keseluruhan operasi bahagian percetakan kami di Australia.

### EN. WONG ZHEN GUANG

Pengurus Operasi  
Toyo (Viet) Paper Product Co., Ltd. ("TVP")  
Bahagian Percetakan - Vietnam

Warga Singapura, Umur 53 tahun

Wong Zhen Guang memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal daripada Universiti Kebangsaan Singapura dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti Teknologi Nanyang Singapura.

Wong Zhen Guang dilantik untuk mengetuai operasi TVP pada November 2009. Beliau mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam pengurusan operasi dalam industri pembungkusan, tembakau, kimia dan elektronik automatif.

### EN. ERROL TAN POH HIN

Pengurus Operasi  
Alliance Print Technologies Co., Ltd. ("APT")  
Bahagian Percetakan - Vietnam

Warga Singapura, Umur 48 tahun

Errol Tan memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan mengkhusus dalam Kejuruteraan Mekanikal dan Pengeluaran daripada Universiti Kebangsaan Singapura.

Errol Tan mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman dengan pelbagai industri pengilangan di Singapura, Indonesia, Vietnam, dan Thailand di mana beliau telah membantu dalam pembangunan dan pengendalian kilang baru. Sebelum menyertai Kumpulan TWP, beliau adalah pengurus kilang sebuah syarikat yang mengeluarkan kotak berkerut.

Errol Tan menyertai kumpulan TWP dengan jawatan kini pada Disember 2009. Beliau bertanggungjawab untuk pengurusan keseluruhan prestasi operasi APT.



# Pernyataan Pengerusi

Laporan Tahunan . 2009 . Annual Report

Pemegang saham yang dihargai,

Bagi pihak Lembaga Pengarah Tien Wah Press Holdings Berhad ("TWPH"), saya dengan sukacita membentangkan Laporan Tahunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009.

Sebagaimana yang telah saya sentuh dalam Laporan Tahunan sebelum ini, masalah kewangan dan ekonomik global yang dialami pada tahun 2008 telah berterusan ke tahun 2009. Ini memangnya merupakan cabaran bagi perniagaan secara umumnya termasuk juga bagi kami. Namun demikian, kami telah menyesuaikan perniagaan kami dengan baik.

## Persekitaran Perniagaan Pada Keseluruhannya

Respons pantas, seperti penglulusan pakej rangsangan oleh kerajaan-kerajaan negara di mana Kumpulan TWP beroperasi seperti Australia, Singapura, Malaysia dan Vietnam telah mengurangkan kesan buruk masalah ekonomi 2008. Walaupun permintaan terus bertambah lemah pada awal tahun 2009, kami telah menikmati kedudukan yang lebih teguh bermula dari separuh kedua tahun, yang membantu menstabilkan permintaan agregat dalam pasaran-pasaran di mana pelanggan utama kami mempunyai kedudukan yang kuat.

Lagi satu faktor utama adalah peranan yang dimainkan oleh negara Cina dalam ekonomi rantau Asia Pasifik. Dengan pertumbuhan ekonomi tingginya berpurata 8.5% bagi tahun 2009, didorong oleh permintaan domestik mahupun eksport, permintaan bagi bahan-bahan mentah dan komoditi telah banyak membantu rakan perdagangan pembekal serantau.

Dalam kes Malaysia, walaupun menghadapi suku pertama yang lemah, KDNK keseluruhan bagi tahun 2009 telah meningkat 1.2%. Suatu prestasi yang baik mengambil kira kesengsaraan ekonomi tahun sebelumnya.

Kelemahan pasaran di seluruh rantau ini telah memberi kesan dalam kaedah diambil oleh pengeluar-pengeluar rokok dalam mempertahankan atau menambahkan pasaran. Penurunan kuasa beli konsumen disebabkan oleh kemerosotan ekonomi menyebabkan kecenderungan aliran konsumen ke alternatif yang lebih murah dalam bentuk rokok harga sangat rendah dan rokok haram. Volum keseluruhan industri tembakau telah menurun 11.2% dari tahun yang lepas menurut Konfederasi Pengeluar Tembakau Malaysia. Dalam persekitaraan pasaran yang mencabar ini, pengeluar rokok telah memilih pelancaran produk baru yang inovatif dan juga versi edisi terhad bagi melindungi pasaran mereka.

Ini tentu sahaja sedikit sebanyak mencabar model perniagaan kami yang dirancang dan respons segera diperlukan dari pihak kami.

## Dinamik Perniagaan

2009 adalah tahun pertama kontrak 7 tahun membekalkan karton bercetak untuk British American Tobacco ("BAT") di beberapa lokasi di rantau Asia Pasifik terutamanya di Malaysia, Singapura, Vietnam dan Australia. Tahun yang ditinjau adalah jauh lebih mencabar bagi Kumpulan memandangkan situasi ekonomik global dan keperluan untuk menangani volum penghantaran berbilang tempat bawah perjanjian bekalan BAT.

Bersandarkan pengurusan yang unggul dan tenaga kerja yang komited dalam syarikat-syarikat Kumpulan TWP, kami berjaya menyesuaikan diri dan memberi khidmat yang baik kepada pelanggan walaupun dengan cabaran baru ini.

Dari model produk bungkusan rokok berpengeluaran panjang yang mantap, kami kini berpengeluaran bercampur berkompleksan meningkat dengan pelbagai saiz pek dan rekaan. Versi ini yang menimbulkan cabaran baru bagi kapasiti pengeluaran dan perancangan pengeluaran. Kami telah menyesuaikan diri dan bekerja dengan baik dengan pelanggan kami, membantu mereka dalam pembangunan produk dan inisiatif bagi memastikan mereka berjaya di pasaran.

## Peristiwa Penting

Dengan model perniagaan yang berubah, pengambilalihan Toyo (Viet) Paper Product Co Ltd. di Vietnam sangat penting bagi memperolehi kapasiti mesin yang diperlukan oleh volum baru. Bertambahnya, pengambilalihan ini telah membolehkan Kumpulan TWP mengaut keuntungan melalui skala ekonomi di samping adanya kapasiti pengeluaran berlebihan untuk memenuhi fluktuasi permintaan berasal dari kontrak BAT.

Lebih daripada itu, adalah penting juga bagi pelaburan baru dibuat dalam kapasiti mesin dan peralatan berkaitan, untuk memuaskan keperluan kapasiti dan untuk meningkatkan kecekapan.

Disebabkan itu pelaburan modal kami bagi tahun 2009 meningkat dengan banyak kepada RM22.6 juta berbanding RM4.3 juta bagi tahun 2008. Ini termasuk sebuah mesin percetakan baru termasuk peralatan dan menaik taraf mesin sedia ada.

## Prestasi Kewangan

Disebabkan terutamanya oleh kesan menyeluruh pemindahan volum dari pesaing-pesaing kami di bawah kontrak bekalan BAT, pendapatan Kumpulan telah melonjak sebanyak 76.6% ke RM328.6 juta daripada RM186.1 juta pada tahun 2008. Sumbangan dari Australia, Malaysia dan Vietnam masing-masing adalah 51%, 30% dan 19%.

Walaupun pendapatan jualan meningkat dengan banyak, keuntungan sebelum cukai Kumpulan telah meningkat RM3.3 juta atau 13.1% sahaja sementara keuntungan bersih yang boleh diagihkan kepada pemegang saham ialah RM15.5 juta berbanding RM18.7 juta bagi tahun 2008, suatu penurunan sebanyak 17.4%. Ini disebabkan oleh pemfasaan progresif pemindahan volum dari pencetak lain, tahun pertama kontrak bekalan dan kesan harga baru dengan margin yang lebih rendah, kos pembiayaan yang tinggi sebanyak RM7.8 juta dan caj susut nilai RM17.5 juta akibat daripada pelaburan modal.

Pada tahap keuntungan operasi kami berprestasi baik mencatat RM26.6 juta berbanding RM24.1 juta bagi tahun 2008. Penjanaan tunai kekal teguh mencatat RM64.8 juta berbanding RM16.6 juta bagi tahun 2008.

Lembaga Pengarah telah mengesyorkan pembayaran dividen akhir 12.05 sen ditolak cukai 25% sesaham biasa (9.04 sen bersih sesaham) kepada para pemegang saham bertambah dividen interim 8 sen ditolak cukai 25% sesaham biasa (6 sen bersih sesaham) yang telah dibayar pada 8 Oktober 2009, menjadikan jumlah pembayaran 15.04 sen bersih sesaham biasa iaitu kenaikan sebanyak 14.8% daripada 2008. Ini adalah bersamaan jumlah pulangan pelaburan 8.4% kepada pemegang saham berdasarkan harga penutupan saham RM1.80 pada hujung tahun 2009.

## Prospek Tahun 2010

Kami percaya bahawa ekonomi serantau Asia Pasifik akan jadi stabil pada tahun 2010 dan kekal positif dengan negara Cina menjadi enjin utama bagi pertumbuhan

Bagaimanapun, kami melihat bahawa perniagaan kami khususnya industri tembakau, akan mengalami perubahan terus-menerus dalam perundangan dan persaingan pasaran, bermaksud bahawa tahun yang akan datang merupakan tahun yang mencabar bagi Kumpulan TWP. Ini pada sendirinya menimbulkan siri cabaran baru bagi kami kerana ia akan memerlukan kepantasan dan fleksibiliti untuk memenuhi keperluan pelanggan.

Dengan ini, kami telah menempah sebuah lagi mesin percetakan yang dijadualkan tiba dan dipasang dalam suku ke-3 2010 yang selanjutnya akan membantu dalam keperluan kami untuk kelajuan dan fleksibiliti.

Pada masa yang sama, perubahan produk kerap yang dituntut oleh pelanggan akan wujudnya lagi tekanan atas kecekapan pengeluaran. Untuk mengekalkan keuntungan, program pengurangan kos yang lebih berfokus akan dilaksanakan. Kami juga akan melabur dengan giat dalam sumber manusia dengan membawa masuk pelbagai pakar yang mempunyai kemahiran percetakan mahupun pengurusan.

Kami masih memandang positif terhadap keputusan kami bagi tahun 2010 yang meskipun cabarannya, akan terus memuaskan sambil kami bertindak menyesuaikan perniagaan dan mengurus cabaran-cabaran ini.

## Penghargaan

Saya ingin menutup dengan mengucapkan terima kasih kepada para pemegang saham yang dihargai, pelanggan dan ahli Lembaga kami atas sokongan anda terhadap Kumpulan TWP dalam menunaikan objektif pertumbuhan kami dan sumbangan kepada pencapaian kami bagi tahun 2009



**Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel bin Tengku Ariff**  
Pengerusi Eksekutif



# TINJAUAN OPERASI PERNIAGAAN

OLEH KETUA BAHAGIAN PERNIAGAAN,  
KARTON DAN LABEL BERCETAK

Laporan Tahunan . 2009 . Annual Report

## PRESTASI KUMPULAN

Kumpulan TWP mencatat pertumbuhan penjualan pada tahun 2009 yang tertinggi dalam rekod sejarah Kumpulan. Prestasi yang baik ini boleh dikaitkan terutamanya kepada kontrak pembekalan British American Tobacco ("BAT") yang dianugerahkan kepada Kumpulan pada tahun kewangan yang lalu. Dengan kontrak ini, volum kami di Malaysia, Singapura, dan Vietnam turut meningkat dengan ketara. Selain itu, kami kini sudah menapak di Australia dan merupakan pembekal karton bercetak BAT yang terbesar bagi Asia Tenggara dan Australasia.

Walaupun terdapat pertumbuhan dalam hasil, namun, keuntungan bagi tahun 2009 adalah kurang unggul. Meskipun kontrak pembekalan telah meningkatkan penjualan dengan ketara, margin merosot disebabkan oleh harga yang lebih rendah dan masalah permulaan. Memandangkan ini ialah tahun pertama kontrak pembekalan BAT, peningkatan yang mendadak dalam permintaan telah memberi ketengangan kepada sumber penghasilan Kumpulan yang sedia ada.

Hasil bagi 2009 ialah RM328.6 juta, satu peningkatan sebanyak 76.7% ke atas RM186.0 juta hasil yang tercatat bagi tahun lalu. Keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2009 ialah RM28.3 juta, berbanding RM25.1 juta bagi tahun lepas, peningkatan sebanyak 12.7%. Namun, keuntungan bersih bagi tahun ini telah merosot sebanyak 17.4% ke RM15.5 juta disebabkan oleh perbelanjaan cukai yang lebih tinggi dan kepentingan minoriti.

Aset ketara bersih Kumpulan pada akhir tahun telah meningkat sebanyak 34.0% ke RM120.9 juta, dan tunai yang dijana daripada operasi sepanjang tahun telah meningkat sebanyak RM43.8 juta ke RM60.3 juta.

Untuk memastikan kecukupan kapasiti pengeluaran, kami telah berlabur dalam satu lagi mesin cetak yang dipasang pada suku ketiga tahun 2009. Kami akan memasang satu mesin tambahan pada suku ketiga tahun 2010. Syarikat telah mengambil peminjaman untuk membiayai modal kerja bagi kontrak pembekalan BAT dan untuk pemerolehan anak syarikat di Australia. Ini telah menyebabkan kos pembiayaan yang lebih tinggi bagi Kumpulan TWP.

PENYATA PENDAPATAN YANG DISATUKAN	12 bulan 2009 RM '000	12 bulan 2008 RM '000	Naik/ (Turun) %
Hasil	328,610	186,059	77%
Kos Penjualan	(261,000)	(143,259)	82%
Keuntungan kasar	67,610	42,800	58%
Perbelanjaan operasi	(43,665)	(22,123)	97%
Pendapatan operasi lain	2,609	3,379	-23%
Keuntungan operasi	26,554	24,056	10%
Bahagian keuntungan selepas cukai bagi pihak bersekutu	1,815	1,020	78%
Keuntungan sebelum cukai	28,369	25,076	13%
Perbelanjaan cukai	(7,113)	(5,524)	29%
Keuntungan bagi tahun	21,256	19,552	9%
Diagihkan kepada:-			
Pemegang saham Syarikat	15,450	18,705	-17%
Kepentingan minoriti	5,806	847	585%
	21,256	19,552	9%
Perolehan bersih sesaham- asas dan tercair	22.4	27.1	-17%
Margin keuntungan operasi	8%	13%	-38%
Keuntungan sebelum cukai/Hasil	9%	13%	-36%
Keuntungan selepas cukai/Hasil	6%	11%	-38%

PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN	12 bulan 2009 RM '000	12 bulan 2008 RM '000	Naik/ (Turun) %
Keuntungan daripada operasi	28,369	25,076	13%
Penyelarasan bagi :-			
Perbelanjaan faedah bersih Hartanah, loji dan kelengkapan	7,610	2,214	244%
- Susut nilai dan pelunasan	17,920	9,829	82%
- Keuntungan/(kerugian) atas pelupusan	(1)	(7)	-86%
- Dihapus kira	72	3	2300%
Pelupusan anak syarikat	-	421	-100%
Inventori yang dihapus kira	804	50	1508%
Peruntukan untuk manfaat persaraan	3,409	144	2267%
Bahagian keuntungan selepas cukai Syarikat sekutu	(1,815)	(1,020)	78%
Pelunasan aset tak ketara	1,260	-	~
Kerugian pertukaran asing yang belum terealis	484	1,204	-60%
Perubahan dalam modal kerja	6,695	(21,346)	-131%
Tunai yang diperolehi daripada operasi	64,807	16,568	291%
Faedah bersih (dibayar)/diterima	(7,610)	(2,214)	244%
Manfaat persaraan yang dibayar	(1,002)	(292)	243%
Cukai dibayar	(5,972)	(3,101)	93%
Pengambilalihan anak syarikat	(12,253)	(78,220)	-84%
Pelupusan anak syarikat	-	2,047	-100%
Perbelanjaan modal bersih	(21,950)	(860)	2452%
Aktiviti pembiayaan bersih	18,407	72,979	-75%
Dividen dibayar	(8,995)	(9,741)	-8%
Peningkatan /(pengurangan) tunai dan setara tunai	25,432	(2,834)	-997%
Perbezaan kadar pertukaran terhadap baki permulaan	(7,269)	2,464	-395%
Tunai dan setara tunai pada 1 Januari	13,302	13,672	-3%
Tunai dan setara tunai pada 31 Disember	31,465	13,302	137%

Aliran tunai Kumpulan daripada operasi adalah lebih daripada RM60.3 juta, dan mewakili sebanyak 212.6% keuntungan daripada operasi, peningkatan sebanyak 66.1% berbanding dengan tahun 2008. Sebahagian besarnya adalah berpunca daripada pengurusan modal kerja yang lebih baik. Aliran tunai tahun ini adalah lebih memuaskan berbanding dengan tahun 2008 disebabkan oleh penurunan kos pengambilalihan anak syarikat, pada tahun 2008 kami telah menggunakan RM78.2 juta untuk mengambilalih anak syarikat di Australia dan pada tahun 2009, kami menggunakan 12.2 juta untuk anak syarikat di Vietnam. Meskipun begitu, perbelanjaan modal bersih telah meningkat disebabkan oleh pelaburan dalam mesin percetakan dan peralatan tambahan bagi kontrak pembekalan BAT. Selepas pembayaran cukai dan dividen, tunai dan setara tunai telah meningkat sebanyak RM18.2 juta ke RM31.5 juta, iaitu ke satu peringkat yang sihat.

## PRESTASI MENGIKUT SEGMENT PERNIAGAAN

### TIEN WAH PRESS (M) SDN BHD ("TWPM") OPERASI MALAYSIA – MILIKAN 100%

Aktiviti utama TWPM adalah pencetakan rotogravur dan fotolitografi yang menghasilkan kotak rokok dan bahan-bahan pembungkusan am yang bermutu tinggi. Produk untuk pembungkusan rokok adalah 'hinge lid blanks', karton paparan luar, label pek lembut bagi pek tahan remuk. Produk untuk pembungkusan am termasuk label bir dan susu, pembungkusan rokok edisi terhad bagi promosi, produk kesihatan dan farmaseutik di samping pembungkusan makanan dan minuman. TWPM mempunyai dua bahagian iaitu bahagian Gravur yang mempunyai pengkhususan dalam pencetakan rotogravur dan bahagian Lito pula mempunyai pengkhususan dalam pencetakan fotolitografi.

Walaupun berlakunya krisis kewangan pada tahun 2009, volum penjualan TWPM telah meningkat sebahagian besarnya berpunca daripada kontrak pembekalan eksklusif dengan BAT. Jumlah hasil yang dicapai oleh TWPM adalah sebanyak RM98.5 juta berbanding dengan RM89.2 juta pada tahun lalu, peningkatan sebanyak 10.4%.

Hasil daripada harga kompetitif di bawah kontrak pembekalan eksklusif, margin keuntungan bagi tahun 2009 adalah lebih nipis berbanding dengan masa dahulu. Selain itu, permintaan yang mendadak bagi Introduksi Produk Baru ("NPI") dalam suku empat tahun 2009 telah menyebabkan banyak gangguan ke atas pengeluaran produk piawai secara efisien di bawah kontrak pembekalan. Peningkatan secara tiba-tiba dalam volum NPI dalam suku keempat memperlihatkan penurunan dalam keuntungan selepas cukai ke RM796,000 yang berpunca daripada pembaziran yang lebih tinggi untuk kerja-kerja baru.

Bagi tahun semasa, fokus TWPM ialah pada pembaikan kecekapan pengeluaran dan skala ekonomi. Selain itu, TWPM akan terus meneroka untuk memperbaiki dan memaksimumkan kecekapan operasi, termasuk peruntukan volum ke lokasi pengeluaran yang paling sesuai dan berkesan kos.

#### **TIEN WAH PROPERTIES SDN BHD ("TWProp") OPERASI MALAYSIA – MILIKAN 100%**

TWProp ialah syarikat pemegang pelaburan hartanah. TWProp memegang keseluruhan hartanah kumpulan di Malaysia, yang disewakan kepada syarikat-syarikat lain dalam Kumpulan dan kepada syarikat berkaitan lain. TWProp kini sedang meninjau kebolehjayaan membuka kunci nilai dan potensi harta-harta Kumpulan dan bank tanah.

#### **ALLIANCE PRINT TECHNOLOGIES CO LTD ("APT") OPERASI VIETNAM – MILIKAN 100%**

Aktiviti utama APT ialah pencetakan rotogravure bagi kotak rokok berkualiti tinggi. Meskipun dengan iklim ekonomi 2009 yang mencabar, APT telah mencatat penjualan RM52.8 juta, peningkatan 44% berbanding tahun lalu, sementara keuntungan bersih meningkat 22% kepada RM7.2 juta.

Ini adalah tempoh perkembangan bagi APT dengan mesin cetak gravur yang baru dipasang pada tahun 2009 dan lagi satu dipesan untuk tahun 2010. Pada November 2009, mesin cetak 11-warna baru telah dikomisyen. Mesin cetak baru ini telah membolehkan APT menghasilkan tambahan 90 juta keping karton bercetak sebulan. Pada Julai 2010, APT akan komisyen lagi satu mesin cetak baru 11-warna baru.

Fokus APT bagi 2010 adalah untuk melabur dalam sumber manusia melalui pengrekrutan dan latihan teknikal, dan dalam melaksanakan sistem dan prosedur berstandard global. Adalah diniatkan bahawa, menuju ke hadapan, APT akan digunakan dengan cara yang lebih signifikan, sebagai pusat pengeluaran yang cekap dan berkos rendah.

#### **TOYO (VIET) PAPER PRODUCT CO LTD OPERASI VIETNAM – MILIKAN 100%**

Pada Julai 2008, Kumpulan telah menyempurnakan pemerolehan TVP. Aktiviti utama TVP ialah pencetakan rotogravur pembungkusan tembakau. Dengan pemerolehan ini, Kumpulan telah mengembangkan lagi pusat pengeluaran sedia ada dan menjamin keupayaan untuk perkembangan lanjut dalam memenuhi permintaan, di Vietnam dan di tempat lain.

Tahun 2009 ialah tahun pertama keputusan TVP disatukan ke dalam Kumpulan. Hasil jualan yang dijana oleh unit perniagaan ini bagi tahun tersebut ialah RM8.1 juta dengan keuntungan bersih selepas cukai RM0.8 juta.

Adalah dijangkakan bahawa TVP akan menjadi penerima manfaat daripada pembahagian semula volum untuk kecekapan dan faedah kos maksimum. Ini dijangka akan memperbaiki margin keuntungan keseluruhan Kumpulan.

#### **ANZPAC SERVICES (AUSTRALIA) PTY LIMITED ("ANZPAC") OPERASI AUSTRALIA – MILIKAN 51%**

Seperti TWPM, aktiviti utama ANZPAC adalah pencetakan rotogravur dan fotolitografi bagi pembungkusan rokok dan barangan pengguna yang lain. Ia telah lama dianggap sebagai salah sebuah syarikat peneraju dalam bidangnya.

Tahun 2009 ialah tahun penuh pertama ANZPAC beroperasi di bawah naungan Kumpulan TWP, menyumbang hasil RM166.5 juta, dan RM14.3 juta keuntungan bersih selepas cukai. Tahun 2009 adalah tahun yang mencabar. Di samping iklim ekonomi global yang lemah, ANZPAC juga berhadapan dengan kos yang meningkat besar untuk pengangkutan, penyimpanan dan utiliti. ANZPAC telah berjaya menyesuaikan perniagaan kepada cabaran-cabaran ini dan kekal sebagai salah sebuah syarikat pembungkusan yang paling berkeuntungan di Australia.

Pasaran tembakau Australia menghadapi prospek pasaran yang gelap pada 2010 di mana bungkus rokok tidak akan dinampak pada titik jualan. Ini akan memacu pasaran pembungkusan rokok yang secara tradisionalnya mantap ke arah dinamik barangan pengguna bergerak pantas, dicirikan dengan pertumbuhan NPI yang mendadak. Semakin pelanggan kami berusaha untuk membezakan produk mereka, akibatnya bagi kami ialah kekompleksan yang semakin bertambah dengan lebih banyak saiz bungkus, lebih banyak versi, lebih banyak bungkus edisi terhad dan perbezaan yang meningkat dalam substrat. Tambahan pula, pasaran pembungkusan barang pengguna semakin dicirikan kecenderungan kepada yang lebih kompleks, promosi dan perubahan grafik yang kerap. Kebolehan untuk menemui, mengurus dan memberi respons kepada permintaan pelanggan dalam persekitaran ini adalah kritikal dan ANZPAC akan memberi fokus kepada kebolehannya yang teguh untuk bertemu dengan pelanggan dan memfokus kepada kebolehan kukuhnya untuk memenuhi permintaan "pantas ke pasaran".

#### **BENKERT (MALAYSIA) SDN BHD ("Benkert") OPERASI MALAYSIA – MILIKAN 30%**

Kegiatan utama Benkert ialah pengeluaran kertas rokok bertebuk dan bercetak gravur yang digunakan dalam pengeluaran turas rokok. Syarikat bertindak dalam Kumpulan International Benkert yang merupakan pembekal utama produk khusus ini kepada pengeluar rokok global. Benkert menyediakan bekalan kepada pengeluar rokok multinasional yang utama seperti British American Tobacco ("BAT") dan Philip Morris di rantau Asia Pasifik.

Benkert bertuah kerana beroperasi di dalam bidang yang kurang dijejas oleh kemerosotan pasaran global. Pada tahun 2009, jumlah hasil jualan telah meningkat ke RM70.8 juta berbanding dengan tahun sebelumnya yang mencatatkan RM 58.6 juta. Keuntungan lepas cukai telah meningkat dari RM3.4 juta ke RM6.1 juta.

Tahun 2009 telah memperlihatkan beberapa perubahan ketara di tapak perkilangan Puchong. Kemudahan kejuruteraan yang baru dan peningkatan mesin-mesin telah membawa kepada kestabilan pengeluaran. Kemudahan latihan baru yang disediakan menekankan kepentingan peningkatan pembangunan kemahiran untuk memenuhi permintaan pelanggan antarabangsa kami terhadap kecanggihan produk-produk baru.

Adalah jelas bahawa pekilang-pekilang utama di rantau ini akan meneruskan proses memperkenalkan pelidahan jenama, membahagikan volum perniagaan tradisional kepada bahagian-bahagian kecil produk berbilang warna. Ini akan memberi tekanan kepada keberkesanan pekilangan dan merupakan cabaran utama Benkert bagi tahun 2010.



**Stanley Mark Mitchell**  
Ketua Bahagian Perniagaan, Karton Dan Label Bercetak



## PROFESIONALISME

Pengeluaran melalui kompetensi yang mahir

Ketelitian dan kesempurnaan kata kunci bagi kejayaan



# Pernyataan Tadbir Urus Korporat

Laporan Tahunan . 2009 . Annual Report

Pihak Lembaga Pengarah ("Lembaga") tetap komited untuk mencapai dan mengekalkan taraf tadbir urus korporat yang tinggi dalam Kumpulan Tien Wah Press Holdings Berhad ("TWP"). Lembaga berpendapat bahawa tadbir urus korporat itu sinonim dengan empat konsep utama, iaitu ketelusan, kebertanggungjawaban, keutuhan dan prestasi korporat.

Pihak Lembaga berpandukan Tata Tadbir Urus Korporat Syarikat ("Tata Tadbir Urus Syarikat"), yang dirumuskan berdasarkan prinsip-prinsip dan amalan terbaik yang dikemukakan dalam Tata Tadbir Urus Korporat Malaysia (Semakan 2007) ("Tata Tadbir Urus") dan Syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("Syarat Penyenaraian"). Tata Tadbir Urus Syarikat ditinjau semula dari semasa ke semasa untuk memastikan keadaan baru dan isu tata tadbir urus korporat yang timbul dapat diuruskan dan amalan terbaik diamalkan.

Pihak Lembaga dengan sukacitanya menyediakan pernyataan berikut, yang menggariskan amalan-amalan utama tadbiran bagi sepanjang tahun kewangan yang ditinjau.

## Pematuhan Tata Tadbir Urus

Kumpulan TWP telah mematuhi amalan terbaik tadbir urus yang dibentangkan dalam Bahagian 2 Tata Tadbir Urus, sepanjang tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2009 .

## Pernyataan prinsip

Pernyataan berikut membentangkan cara Kumpulan TWP menerapkan prinsip-prinsip yang dikemukakan dalam Bahagian 1 Tata Tadbir Urus. Prinsip-prinsip tersebut dikendalikan di bawah tajuk berikut: Lembaga Pengarah, Ganjaran Pengarah, Pemegang Saham, dan Kebertanggungjawaban dan Audit.

## A. Lembaga Pengarah

### Tanggungjawab Lembaga

Kumpulan TWP mengesahkan peranan penting yang dimainkan oleh Lembaga dalam panduan arah dan operasinya, dan seterusnya mempertingkatkan nilai pemegang saham buat jangka masa panjang. Untuk menjalankan peranannya, Lembaga bertanggungjawab bagi keseluruhan tadbir urus korporat Kumpulan TWP, termasuk hala tuju strategik, menetapkan matlamat bagi pihak pengurusan dan memantau pencapaian matlamat tersebut. Peranan dan fungsi Lembaga dan juga peranan yang berbeza bagi Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif, adalah didokumentasikan dengan jelas dalam Piagam Lembaga.

Lembaga Pengarah telah mengambil alih enam tanggungjawab spesifik yang berikut dalam menunaikan tanggungjawab pengawasan mereka selaras dengan amalan terbaik Tata Tadbir Urus:-

- Mengkaji semula dan menerapkan rancangan strategik bagi Kumpulan TWP;
- Menyelia prestasi Kumpulan untuk menilai sama ada perniagaan sedang diurus dengan sesuai;
- Mengenal pasti risiko penting dan memastikan pelaksanaan sistem kawalan yang wajar untuk mengurus risiko tersebut;
- Rancangan pewarisan, termasuk perlantikan, latihan, menetapkan pampasan bagi, dan jika wajar, menggantikan Pengarah-pengarah eksekutif;
- Mengkaji semula kecukupan dan keutuhan sistem kawalan dalaman Kumpulan demi melindungi pelaburan pemegang saham dan aset Kumpulan;
- Mengeluarkan dan melaksanakan program komunikasi dengan pemegang saham dan pelabur untuk Syarikat.

Lembaga mempunyai jadual rasmi bagi perkara yang dikhasakan khusus untuk keputusannya, yang merangkumi strategi dan hala tuju Kumpulan TWP secara keseluruhan, dasar pemerolehan dan pemberhentian pelaburan, kelulusan projek-projek perbelanjaan modal utama, menimbang hal ehwal kewangan yang penting dan mengkaji semula prestasi kewangan dan operasi Kumpulan TWP. Jadual ini memastikan tadbir urus Kumpulan TWP adalah di bawah kawalan Lembaga.

### Mesyuarat

Lembaga lazimnya bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun, sekali setiap suku tahun, dengan mesyuarat tambahan diadakan apabila keputusan segera dan penting perlu dibuat dalam masa antara mesyuarat berjadual. Pada tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2009, Lembaga telah bermesyuarat tujuh (7) kali, untuk berbincang dan mempertimbangkan pelbagai perkara termasuk keputusan kewangan Kumpulan TWP, pelaburan utama dan keputusan strategik, rancangan perniagaan dan hala tuju Kumpulan TWP dan hal ehwal tadbir urus korporat.

Lembaga menerima dokumen-dokumen mengenai perkara-perkara yang memerlukan pertimbangannya terlebih dahulu sebelum setiap mesyuarat. Kertas kerja Lembaga disediakan dengan menyeluruh dan merangkumi faktor-faktor kuantitatif dan juga kualitatif supaya keputusan termaklum boleh dibuat. Semua perbincangan semasa mesyuarat Lembaga dicatatkan minitnya dan ditandatangani oleh Pengerusi mesyuarat.

Prosedur tersedia bagi Pengarah untuk mendapatkan nasihat profesional yang bebas dari pengaruh atas perbelanjaan Syarikat dan nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat demi melaksanakan tugas dan tanggungjawab spesifik mereka seperti yang dicatatkan dalam Peruntukan Amalan Terbaik AAI Tata Tadbir Urus.

Berikut ini adalah butir-butir kehadiran setiap Pengarah ke Mesyuarat Lembaga yang diadakan pada tahun kewangan ini:-

		Bilangan Mesyuarat Dihadiri
Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel bin Tengku Ariff	Pengerusi, Pengarah Eksekutif Bukan Bebas	7/7
Gary Yen	Timbalan Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas	5/7
Lt Jen (B) Datuk Haji Abdul Aziz bin Hasan	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	7/7
Dato' Larry Gan Nyap Liou	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	6/7
Goh Seng Chuan	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	7/7
Tung Kum Hon	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	7/7
Mej. Jen (B) Datuk Abdul Kadir bin Nordin	Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas	7/7
Mej. Jen (B) Dato' Mohamed Dahalan bin Sulaiman	Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas	7/7
Stanley Mark Mitchell (i)	Pengarah Eksekutif Bukan Bebas	3/3

Cacatan:

- i) Stanley Mark Mitchell telah dilantik sebagai Pengarah berkuat kuasa mulai 15 Jun 2009.

### Jawatankuasa Lembaga

Lembaga Pengarah mengamanahkan tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa Lembaga, seperti yang berikut:-

Jawatankuasa Lembaga	Fungsi Utama
Jawatankuasa Audit	Diterangkan dalam Laporan Jawatankuasa Audit.
Jawatankuasa Pencalonan	Diterangkan di perenggan mengenai "Pelantikan Ahli Lembaga" dalam Penyata Tadbir Urus Korporat ini.
Jawatankuasa Ganjaran	Diterangkan di perenggan mengenai "Ganjaran Pengarah" di dalam Penyata Tadbir Urus Korporat ini.
Jawatankuasa Pelaburan dan Kewangan	Menilai mana-mana pelaburan bakal yang sesuai yang akan meluaskan asas pendapatan Kumpulan TWP dan menambahkan nilai pemegang sahamnya.
Jawatankuasa Risiko	Untuk mengkaji semula dan mempertimbangkan semua aspek risiko, menetapkan had-had risiko yang sesuai dan memantaunya melalui sistem-sistem pengurusan risiko yang boleh dipercayai.

Semua jawatankuasa ini mempunyai terma rujukan dan prosedur operasi bertulis dan Lembaga menerima laporan tentang perbincangan dan pertimbangan mereka. Pengerusi pelbagai jawatankuasa akan melapor hasil mesyuarat Jawatankuasa kepada pihak Lembaga dan laporan-laporan sedemikian digabungkan dalam kertas kerja mesyuarat Lembaga. Jawatankuasa-jawatankuasa ini telah ditubuhkan untuk mempertingkatkan kecekapan kendalian dan perniagaan serta juga keberkesanannya. Pihak Lembaga masih bertanggungjawab sepenuhnya ke atas hala tuju dan kawalan Syarikat dan Kumpulan TWP.

### Keseimbangan Lembaga

Setakat tarikh penyata ini, Lembaga terdiri daripada sembilan (9) ahli; iaitu seorang (1) Pengerusi eksekutif bukan bebas, seorang (1) Timbalan Pengerusi bukan eksekutif bukan bebas, empat (4) Pengarah bukan eksekutif bebas, dua (2) pengarah bukan eksekutif bukan bebas dan seorang (1) pengarah eksekutif bukan bebas. Profil ringkas setiap Pengarah dibentangkan dalam Profil Lembaga Pengarah dalam laporan tahunan ini.

Konsep kebebasan yang diguna pakai oleh Lembaga adalah sejajar dengan takrif "Pengaroh Bebas" dalam Seksyen 1.01 Syarat Penyenaraian. Kriteria utama untuk pelantikan seorang Pengarah bebas ialah seorang yang bukan ahli pihak pengurusan (Pengaroh bukan eksekutif) dan yang tiada apa-apa hubungan yang dapat mempengaruhi pertimbangan bebasnya atau kemampuannya bertindak demi kepentingan terbaik Syarikat. Komposisi Lembaga selaras dengan perenggan 15.02 Syarat Penyenaraian yang memerlukan sekurang-kurangnya dua (2) orang Pengarah atau sepertiga (1/3) daripada Lembaga Syarikat, yang mana lebih tinggi, merupakan Pengarah bebas.

Para Pengarah, dengan latar belakang dan kepakaran yang berlainan, secara kolektif membawa bersama mereka pelbagai pengalaman dan kepakaran yang meluas dalam bidang-bidang seperti kewangan, hal ehwal korporat, pemasaran, cukai dan operasi. Pengarah eksekutif khususnya bertanggungjawab untuk pelaksanaan dasar dan keputusan Lembaga, menyelia operasi serta menyelaraskan pembangunan dan implementasi strategi korporat dan perniagaan. Pengarah bukan eksekutif bebas membawakan pertimbangan yang objektif dan bebas dalam proses penentuan keputusan Lembaga dan membawakan sekatan dan imbalan bagi Pengarah eksekutif. Para Pengarah bukan eksekutif banyak menyumbang dalam hal-hal seperti dasar dan strategi, pemantauan prestasi, peruntukan sumber serta penambahbaikan kawalan dan tadbir urus. Bersama-sama Pengarah eksekutif yang mempunyai pengetahuan mendalam mengenai perniagaan, Lembaga terdiri daripada individu-individu yang komited kepada profesionalisme dan keutuhan perniagaan dalam semua kegiatannya.

Terdapat pembahagian tanggungjawab yang jelas di kepala Syarikat untuk memastikan imbalan hak dan kuasa. Lembaga dipimpin oleh Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel bin Tengku Ariff selaku Pengerusi eksekutif bukan bebas dan pengurusan eksekutif Syarikat dipimpin oleh Jawatankuasa Eksekutif ("EXCO") yang terdiri daripada pasukan pengurusan kanan yang memegang jawatan berikut:

1. Ketua Perniagaan Karton dan Label Bercetak
2. Pengarah Operasi Serantau
3. Pengurus Besar (Unit Ekonomi Perniagaan dan Pembangunan)
4. Pengurus Besar (Bahagian Hartanah)
5. Pengawal Kewangan

Butiran setiap ahli EXCO dipaparkan dalam Profil Pengurusan Kanan yang terkandung di dalam laporan tahunan ini.

Wujud pengambilan peranan rasmi Pengerusi dan EXCO. Pengerusi bertanggungjawab dalam menyelia Lembaga dan memastikan semua Pengarah menerima maklumat berkaitan yang memadai mengenai hal-hal kewangan dan bukan kewangan untuk membolehkan mereka mengambil bahagian secara aktif dalam keputusan-keputusan Lembaga. EXCO bertanggungjawab melaksanakan dasar-dasar dan keputusan Lembaga di samping mengembangkan, menyelaraskan dan melaksanakan strategi korporat dan perniagaan selain pengurusan harian perniagaan. Dari semasa ke semasa, bila Lembaga memerlukan maklumat berkaitan atau pengemaskinian daripada mana-mana ahli EXCO, beliau akan dijemput untuk menghadiri mesyuarat Lembaga. Tata Tadbir Urus menyarankan pelantikan Pengarah kanan bukan eksekutif bebas di mana segala kebimbangan boleh dirujuk kepadanya dan Lembaga telah melantik Encik Tung Kum Hon untuk memenuhi peranan ini.

Lembaga berpuas hati bahawa komposisi Lembaga semasa membayangkan kepentingan pemegang saham minoriti dalam Syarikat dengan saksama.

### **Pembekalan Maklumat**

Pengerusi memastikan semua Pengarah ada akses penuh dan tepat pada waktu kepada maklumat dengan kertas kerja Lembaga diedarkan terlebih dahulu sebelum setiap mesyuarat. Setiap Pengarah mempunyai akses tak terbatas kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat. Lembaga percaya bahawa Setiausaha Syarikat semasa dapat menjalankan tugas-tugas beliau untuk memastikan Lembaga berfungsi dengan berkesan. Pelucutan Setiausaha Syarikat, jika ada, adalah keputusan bagi sepenuh Lembaga.

Sebelum setiap mesyuarat Lembaga atau Jawatankuasa Lembaga diadakan, kertas kerja Lembaga atau Jawatankuasa, bergantung kepada keadaan, termasuk agenda dan laporan berkaitan dengan isu-isu mesyuarat yang meliputi aspek strategik, kewangan, operasi dan perkara-perkara pematuhan perundangan, diedarkan kepada semua ahli Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa. Pengarah bermesyuarat, mengkaji, dan meluluskan semua pengumuman korporat, termasuk pengumuman keputusan kewangan suku tahunan, sebelum mengemukakannya kepada Bursa Malaysia Securities Berhad. ("Bursa Sekuriti").

Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pelaburan dan Kewangan berperanan penting dalam menyalurkan isu-isu berkenaan operasi dan jaminan yang berkenaan kepada Lembaga. Jawatankuasa sebahagiannya berfungsi sebagai penapis untuk memastikan bahawa hanya perkara-perkara berkenaan dibentangkan pada peringkat Lembaga Pengarah. Terdapat prosedur-prosedur yang dipersetujui oleh Lembaga, sama ada sebagai keseluruhan Lembaga ataupun dari kapasiti individu, untuk mendapatkan nasihat profesional bebas, jika perlu dan dalam keadaan yang sesuai, untuk menjalankan tugasnya, dengan perbelanjaan Kumpulan TWP.

Taklimat terperinci berkala mengenai pandangan industri, prestasi Syarikat dan pratinjauan terdahulu juga dikendalikan bagi Pengarah untuk memastikan bahawa Lembaga mempunyai maklumat mendalam mengenai trend industri dan pasaran yang terkini.

## Pelantikan Ahli Lembaga

### Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan terdiri daripada ahli-ahli berikut pada tahun kewangan ini:-

- Tung Kum Hon – Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
- Lt. Jen (B) Datuk Haji Abdul Aziz bin Hasan – Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
- Goh Seng Chuan – Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Jawatankuasa Pencalonan bermesyuarat dua kali sepanjang tahun kewangan ini.

Jawatankuasa Pencalonan terdiri secara eksklusif daripada Pengarah bukan eksekutif dan bebas. Jawatankuasa Pencalonan diberi kuasa oleh Lembaga dan terma rujukannya untuk mengesyorkan saranan kepada Lembaga tentang pelantikan Pengarah-pengarah baru. Jawatankuasa tersebut juga mengkaji semula struktur, saiz dan komposisi Lembaga di samping perancangan pewarisan jawatan eksekutif. Jawatankuasa Pencalonan menilai secara sistematik keberkesanan Lembaga, semua Jawatankuasa dan sumbangan setiap individu Pengarah setiap tahun.

Pada tahun kewangan ini, Jawatankuasa Pencalonan telah membuat tinjauan dan menilai gabungan kemahiran dan pengalaman dan saiz Lembaga, sumbangan setiap Pengarah dan keberkesanan Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga dan juga meninjau semula pesaraan Pengarah-pengarah melalui pusingan yang layak untuk pemilihan semula.

### Proses pelantikan

Lembaga, melalui penilaian tahunan Jawatankuasa Pencalonan, percaya bahawa komposisi semasa Lembaga menyediakan gabungan dari segi kemahiran dan kecekapan teras yang diperlukan untuk Lembaga menjalankan tugas mereka dengan berkesan.

Lembaga melantik ahli-ahlinya melalui suatu proses pemilihan yang rasmi dan telus. Proses ini telah dikaji, dilulus dan diterap oleh Lembaga. Pelantikan baru akan dipertimbangkan dan dinilai oleh Jawatankuasa Pencalonan. Jawatankuasa kemudiannya akan mengesyorkan calon-calon untuk diluluskan dan dilantik oleh Lembaga. Setiausaha Syarikat akan memastikan bahawa semua pelantikan dibuat dengan senonoh, dan obligasi perundangan dan regulatori dipatuhi.

### Latihan Pengarah

Lembaga, melalui Jawatankuasa Pencalonan, memastikan ia hanya merekrut individu yang cukup kaliber, pengetahuan dan pengalaman untuk melaksanakan tugas selaku Pengarah dengan sempurna. Suatu program induksi telah diatur bagi Pengarah yang baru dilantik untuk memudahkan pemahaman mereka tentang operasi Kumpulan di samping produk-produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kumpulan TWP. Semua Pengarah telah menghadiri dan berjaya menyempurnakan Program Akreditasi Mandatori (MAP) selaras dengan keperluan Bursa Sekuriti. Memandangkan keperluan latihan para Pengarah adalah berbeza-beza, semua Pengarah kecuali Encik Gary Yen, telah menjalani program-program latihan lain secara berterusan untuk meningkatkan kemahiran serta pengetahuan mereka dalam tahun 2009. Encik Gary Yen ialah Ketua Pegawai Eksekutif New Toyo International Holdings Ltd, sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Singapura dan disebabkan oleh jadual beliau yang padat, dia tidak dapat menghadiri mana-mana latihan pada 2009.

### Pemilihan Semula Pengarah

Tataurusan Persatuan memberi peruntukan bahawa semua Pengarah hendaklah bersara dari jawatan masing-masing sekurang-kurangnya sekali setiap tiga (3) tahun tetapi akan layak untuk dipilih semula. Pengarah-pengarah yang akan bersara pada setiap tahun adalah Pengarah yang paling lama memegang jawatan sejak pemilihan terakhir. Pemilihan setiap Pengarah diundi secara berasingan. Untuk membantu pemegang saham dalam keputusan mereka, maklumat yang memadai seperti profil peribadi, kehadiran ke mesyuarat dan pegangan saham dalam Kumpulan TWP bagi setiap Pengarah yang memohon pemilihan semula, dibekalkan dalam Profil Lembaga Pengarah yang terkandung dalam laporan tahunan ini.

Pengarah yang berusia lebih daripada tujuh puluh (70) tahun dikehendaki mengemukakan diri mereka untuk pemilihan semula setiap tahun selaras dengan Seksyen 129 (6) Akta Syarikat 1965.

## B. Ganjaran Pengarah

### Jawatankuasa Ganjaran

Ahli Jawatankuasa Ganjaran pada tahun kewangan yang ditinjau terdiri daripada:

- Goh Seng Chuan – Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
- Lt. Jen (B) Datuk Haji Abdul Aziz bin Hasan - Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
- Mej Jen (B) Dato' Mohamed Dahalan bin Sulaiman - Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Jawatankuasa Ganjaran telah bermesyuarat lima kali sepanjang tahun kewangan ini.

Jawatankuasa Ganjaran terdiri secara eksklusif daripada Pengarah bukan eksekutif. Jawatankuasa Ganjaran bertanggungjawab menyarankan rangka kerja ganjaran bagi Pengarah bukan eksekutif di samping pakej ganjaran bagi Pengarah eksekutif dan pengurusan kanan kepada Lembaga. Tiada seorang Pengarah eksekutif akan terlibat dalam apa jua cara dalam penentuan ganjaran individu mereka.

Lembaga secara sekumpulan, menentukan ganjaran bagi Pengarah bukan eksekutif dengan setiap Pengarah mengecualikan diri daripada apa-apa keputusan berhubung dengan ganjaran mereka masing-masing. Dalam menentukan bayaran yang munasabah bagi setiap Pengarah bukan eksekutif, Lembaga mempertimbangkan tanggungjawab dan komitmen masa Pengarah yang berkenaan, selain daripada bilangan mesyuarat Lembaga dan mesyuarat istimewa yang dihadiri di samping keahlian dan pemegangan jawatan Pengerusi bagi jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga. Ganjaran sedemikian (dalam bentuk yuran Pengarah) tertakluk kepada kelulusan pemegang saham di AGM.

Dasar yang diamalkan bagi ganjaran Pengarah oleh Jawatankuasa Ganjaran adalah untuk menyediakan pakej-pakej ganjaran yang mampu menarik, mengekal dan memberi dorongan kepada Pengarah berkualiti seperti yang diperlukan bagi membantu Kumpulan TWP dan untuk menjajarkan kepentingan Pengarah dengan kepentingan pemegang saham.

Maklumat dalaman yang disediakan dan data tinjauan yang dikumpulkan mengenai amalan-amalan ganjaran syarikat-syarikat sebanding, dipertimbangkan dalam menentukan pakej-pakej ganjaran, Jawatankuasa Ganjaran dibenarkan oleh Lembaga untuk mendapat nasihat profesional yang sesuai di dalam dan di luar Kumpulan TWP apabila ia anggap perlu.

Pada tahun 2009, Jawatankuasa Ganjaran telah membincangkan perkara-perkara seperti garis panduan kenaikan gaji, pemetaan gred pekerjaan dalaman, ganjaran bagi ekspatriat, bonus dan pampasan para Pengarah dan pihak pengurusan kanan.

Maklumat lanjut mengenai ganjaran Pengarah dikemukakan di bawah dan di dalam Nota 19 penyata kewangan.

### Butir-butir Ganjaran Pengarah

	Gaji RM	Bonus RM	Yuran dan elaun RM	Manfaat bukan dalam bentuk kewangan RM	Jumlah RM
Pengarah Eksekutif	569,808	-	-	106,784	676,592
Pengarah Bukan Eksekutif	-	-	268,500 10,000 (anak syarikat)	-	278,500
<b>JUMLAH</b>	569,808	-	278,500	106,784	955,092

Taburan ganjaran Pengarah bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2009, mengikut kategori dan dalam setiap lingkungan RM10,000 yang berturut-turut, adalah seperti berikut:-

Julat Ganjaran (RM)	Bilangan Pengarah	
	Pengarah Eksekutif	Pengarah Bukan Eksekutif
40,000 dan di bawah	-	3
40,001 – 50,000	-	1
50,001 – 60,000	-	3
280,000 – 290,000	1	-
390,000 – 400,000	1	-
<b>Jumlah</b>	2	7

Pengarah Eksekutif menerima bonus berdasarkan pencapaian matlamat-matlamat spesifik yang berhubung dengan prestasi Kumpulan TWP (termasuk hasil kendalian dan aliran tunai). Pengarah bukan eksekutif tidak menerima apa-apa ganjaran berdasarkan prestasi.

Ganjaran bagi setiap Pengarah secara individu tidak didedahkan, kerana maklumat sedemikian dianggap bersifat sulit dan amat sensitif.

### C. Pemegang saham

Syarikat mengiktiraf kepentingan berkomunikasi dengan pemegang sahamnya dan melakukannya melalui laporan tahunan, AGM dan laman web Syarikat. Dasar Syarikat adalah untuk mengekalkan dialog yang aktif dengan pemegang sahamnya dengan tujuan memberi pemegang saham gambaran yang sejelas dan selengkap mungkin tentang prestasi dan kedudukan Syarikat.

Unsur utama dialog Syarikat dengan pemegang sahamnya adalah peluang untuk mengumpulkan pandangan, dan menjawab soalan, daripada pemegang saham persendirian dan pemegang saham institusi mengenai semua isu yang berkaitan dengan Syarikat di AGM. Juga menjadi amalan Syarikat untuk menghantar Notis AGM dan laporan-laporan bertulis yang berkenaan kepada pemegang saham sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum mesyuarat diadakan. Di AGM, pemegang saham digalakkan bertanya soalan tentang resolusi yang dicadangkan dan operasi Kumpulan TWP secara umum. Selain daripada itu, suatu persidangan akhbar diadakan sebaik selepas AGM dan Pengerusi Eksekutif menasihati wartawan tentang resolusi yang diluluskan, dan menjawab soalan mengenai prestasi Kumpulan TWP.

Laman web Syarikat, [www.tienwah.com](http://www.tienwah.com), menyediakan saluran untuk maklumat, seperti seksyen-seksyen yang khusus mengenai maklumat korporat, termasuk maklumat kewangan, sejarah harga saham, pengumuman dan siaran akhbar. Syarikat sentiasa mengemaskinikan data laman web untuk memastikan maklumat terkini disiarkan.

Sementara Syarikat berusaha untuk menyediakan sebanyak maklumat yang mungkin kepada pemegang saham dan pihak kepentingannya, ia juga mesti berwaspada tentang rangka kerja kawal selia dan undang-undang yang mengawal pendedahan maklumat penting dan harga-sensitif. Syarikat mengambil kira sekatan-sekatan perundangan dan keperluan lazim di samping keperluan pelabur bagi pendedahan maklumat harga sensitif yang menepati masa seperti penyata dan hasil prestasi kewangan, perolehan ketara, cadangan korporat yang ketara serta peristiwa-peristiwa ketara yang lain semasa mendedahkan maklumat sedemikian.

### D. Kebertanggungjawaban dan Audit

#### Laporan kewangan

Lembaga berusaha untuk menyediakan dan membentangkan penilaian yang seimbang dan bermakna bagi prestasi kewangan dan prospek Kumpulan TWP bagi setiap tahun kewangan, terutamanya melalui penyata kewangan tahunan, pengumuman hasil suku tahunan kepada pemegang saham, serta Penyata Pengerusi dan Tinjauan Operasi Perniagaan dalam laporan tahunan. Lembaga dibantu oleh Jawatankuasa Audit untuk menyelia proses pelaporan kewangan Kumpulan TWP dan kualiti pelaporan kewangannya.

#### Penyata tanggungjawab Pengarah ke atas penyediaan penyata kewangan beraudit

Lembaga bertanggungjawab memastikan bahawa penyata kewangan Kumpulan TWP memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan TWP dan Syarikat pada akhir tempoh perakaunan dan untung ruginya dan aliran tunai bagi akhir tempoh tersebut. Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah telah memastikan piawai perakaunan berkenaan yang diluluskan oleh Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia (MASB) di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 dipatuhi dan pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat telah dibuat.

Dalam menyediakan penyata kewangan, Pengarah telah memilih dan mengguna pakai dasar-dasar perakaunan yang sesuai secara tekal dan telah membuat pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat. Lembaga juga mempunyai tanggungjawab umum untuk mengambil langkah yang dengan munasabahnya terbuka kepada mereka untuk melindungi aset Kumpulan TWP serta menghalang dan mengesan penipuan dan kejanggalan lain.

Lembaga berpuas hati bahawa ia telah memenuhi obligasinya untuk membentangkan penilaian yang seimbang dan boleh difahami tentang kedudukan dan prospek Syarikat dalam Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan laporan tahunan ini.

---

### **Keadaan Kawalan Dalaman**

Penyata Kawalan Dalaman yang dibekalkan dalam laporan tahunan ini memberikan gambaran keseluruhan tentang keadaan kawalan dalaman di dalam Kumpulan TWP.

### **Hubungan Dengan Juruaudit**

Ciri-ciri utama mengasaskan hubungan Jawatankuasa Audit dengan juruaudit luar terangkum dalam terma rujukan Jawatankuasa Audit seperti di dalam Laporan Jawatankuasa Audit dalam laporan tahunan ini.

Ringkasan aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Audit sepanjang tahun kewangan yang ditinjau, termasuk penilaian proses audit bebas, dibentangkan dalam Laporan Jawatankuasa Audit dalam laporan tahunan ini.

Penyata ini disediakan menurut resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 26 April 2010.



**Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel bin Tengku Ariff**  
Pengerusi Eksekutif



# Pernyataan Kawalan Dalaman

Laporan Tahunan . 2009 . Annual Report

## Pengenalan

Tata Tadbir Urus Korporat Malaysia (semakan 2007) dan Akta Syarikat 2007 (Pindaan) memerlukan lembaga pengarah syarikat tersenarai awam mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh demi melindungi pelaburan pemegang saham dan aset kumpulan. Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pula menghendaki para pengarah syarikat tersenarai menyertakan pernyataan tentang keadaan kawalan dalaman syarikat dengan laporan tahunan. Lembaga Pengarah ("Lembaga") dengan sukacitanya menyediakan pernyataan ini yang menggariskan keadaan, sifat dan skop kawalan dalaman Kumpulan TWP sepanjang tahun ini.

## Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Lembaga mengesahkan tanggungjawab keseluruhannya bagi mengekalkan sistem kawalan dalaman Kumpulan TWP yang memadai dan berkesan, dan telah mewujudkan proses untuk pengenalpastian, penilaian dan pengurusan risiko ketara yang dihadapi oleh Kumpulan TWP.

Lembaga dengan bantuan Jawatankuasa Eksekutif yang terdiri daripada pihak pengurusan kanan yang merangkumi Ketua Perniagaan (Karton dan Label Bercetak); Pengarah Operasi Serantau, Pengurus Besar (Unit Ekonomi Perniagaan dan Pemajuan), Pengurus Besar (Bahagian Hartanah) dan Pengawal Kewangan ("EXCO") mengiktiraf kepentingan memastikan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan pengurusan risiko yang berkesan demi membantu Kumpulan TWP mencapai objektif-objektif korporatnya. Oleh itu, semua kawalan yang perlu terjalin dalam operasi harian yang membentuk sebahagian daripada budaya kerjanya dan kesedaran terhadap risiko dalam organisasi.

Lembaga berusaha untuk membentuk suatu sistem kawalan dalaman yang kukuh bagi Kumpulan TWP yang meliputi, prosedur pengurusan risiko dan kawalan kewangan, operasi dan pematuhan dan lain-lain. Walau bagaimanapun, memandangkan pengehadan semula jadi mana-mana sistem kawalan dalaman, sistem direkabentuk untuk mengurus dan bukan menyingkirkan risiko menjalankan perniagaan. Ia hanya boleh menyediakan jaminan yang munasabah tetapi bukannya mutlak terhadap salah nyata atau kerugian yang ketara.

Lembaga berpendapat bahawa sistem kawalan dalaman semasa memadai dan berkesan di Kumpulan TWP untuk memelihara kepentingan Kumpulan sepanjang tahun kewangan. Sistem akan sentiasa dikaji semula dan dipertingkatkan oleh Lembaga melalui Jawatankuasa Audit selaras dengan apa-apa perubahan dalam persekitaran dalaman dan luaran operasi.

Walaupun Lembaga memantau isu risiko dan kawalan, EXCO juga melaksanakan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman dalam rangka kerja yang mapan.

## Proses Kawalan Dalaman Yang Utama

Proses utama yang telah diwujudkan dalam Kumpulan TWP untuk meninjau keutuhan sistem kawalan dalaman merangkumi yang berikut:-

- EXCO membantu Lembaga dalam memastikan keberkesanan operasi harian Kumpulan menurut objektif korporat, strategi dan hala tuju perniagaan. Mesyuarat diadakan dari semasa ke semasa untuk meninjau strategi dan mengenal pasti isu yang berpunca daripada isu operasi, kewangan dan pengurusan lain.
- Bahagian Audit Dalaman ("IAD") yang memantau kepatuhan terhadap dasar-dasar dan prosedur-prosedur, di samping itu mengenalpasti apa-apa penemuan ketara berkaitan dengan dasar dan prosedur yang tidak dipatuhi. Audit dilaksanakan sepanjang tahun untuk menyediakan satu laporan bebas terhadap aktiviti operasi dan pengurusan Kumpulan.
- Jawatankuasa Audit ("AC") meninjau semula dan meluluskan rancangan audit tahunan dan fungsian audit dalaman. AC juga meninjau semula isu-isu kawalan dalaman yang dikenal pasti oleh IAD, pihak pengurusan dan juruaudit luar. Minit mesyuarat AC dikemukakan kepada Lembaga setiap suku tahun.
- Jawatankuasa Risiko ("RC") ditubuhkan untuk berkomunikasi dengan Lembaga berkaitan dengan risiko-risiko utama dan rancangan tindakan untuk menangani risiko-risiko. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Dalaman ("IRMC") ditubuhkan dan dipertanggungjawab untuk mengenal pasti, menilai dan berkomunikasi dengan RC berkaitan dengan risiko-risiko kritikal.
- Lembaga meninjau laporan dari pihak pengurusan secara sukuan, tetapi tidak tersekat kepada strategi, prestasi utama, sumber-sumber dan penunjuk risiko.

- 
- Rancangan dan belanjawan perniagaan tahunan disediakan oleh unit-unit perniagaan utama dan diluluskan oleh Lembaga. Prestasi unit perniagaan dibandingkan dengan belanjawan yang diluluskan secara sukuan. Penerangan disediakan bagi varian yang ketara. Tambahan lagi, prestasi Syarikat dan anak syarikatnya dipantau oleh EXCO melalui akaun-akaun pengurusan secara bulanan.
  - Terdapat garis panduan rasmi dalam Kumpulan bagi pengambilan dan pemberhentian, program latihan formal dan penilaian prestasi tahunan bagi pekerja.
  - Terdapat garisan yang nyata bagi tanggungjawab, pengagihan kuasa dan pembahagian tugas dalam Kumpulan TWP.

### Kelemahan dalam Kawalan Dalaman

Sebilangan kelemahan kawalan dalaman telah dikenal pasti sepanjang tahun kewangan ini. Kelemahan-kelemahan ini tidak mengakibatkan sebarang salah nyata atau kerugian ketara yang perlu penyelarasan atau pendedahan dalam Kumpulan. Pihak pengurusan Syarikat berterus mengambil langkah-langkah segera untuk memperkukuhkan persekitaran kawalan dalaman.

Penyata ini disediakan menurut resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 26 April 2010.



# MAKLUMAT KEPATUHAN KEPERLUAN PENYENARAIAAN PASARAN UTAMA

Laporan Tahunan . 2009 . Annual Report

Maklumat yang berikut dilaporkan menurut kepatuhan Keperluan Penyenaiaian Pasaran Utama ("Keperluan Penyenaiaian") Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Sekuriti") :-

## 1. Kegunaan Hasil Kutipan yang diperolehi daripada Cadangan Korporat

Syarikat tidak memperoleh apa-apa dana dari cadangan korporat semasa tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2009.

Dikemukakan menurut Lampiran 9C, Bahagian A, butir 13 Keperluan Penyenaiaian Bursa Sekuriti.

## 2. Beli-Balik Saham

Syarikat tidak membeli sebarang saham sendiri semasa tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2009.

Dikemukakan menurut Perenggan 12.23, Lampiran 12D Keperluan Penyenaiaian Bursa Sekuriti.

## 3. Opsyen atau Sekuriti Pertukaran

Syarikat tidak mengeluarkan sebarang opsiyen atau sekuriti pertukaran semasa tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2009.

Dikemukakan menurut Lampiran 9C, Bahagian A, butir 15 Keperluan Penyenaiaian Bursa Sekuriti.

## 4. Program Resit Depositori

Syarikat tidak menaja sebarang program resit depository semasa tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2009.

Dikemukakan menurut Lampiran 9C, Bahagian A, butir 16 Keperluan Penyenaiaian Bursa Sekuriti.

## 5. Hukuman dan/atau Denda

Tidak ada sebarang hukuman dan/atau denda yang dikenakan terhadap Syarikat dan anak-anak syarikat, pengarah atau pengurusan oleh badan pengawalan yang berkenaan semasa tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2009.

Dikemukakan menurut Lampiran 9C, Bahagian A, butir 17 Keperluan Penyenaiaian Bursa Sekuriti.

## 6. Yuran Bukan Audit

Jumlah yuran bukan audit yang telah dibayar kepada juruaudit luar dan rakan-rakan syarikatnya bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2009 adalah seperti berikut:-

	RM
(a) Time Consultants Co	885
(b) KPMG, Malaysia	65,600
<b>Jumlah</b>	<b>66,485</b>

Dikemukakan menurut Lampiran 9C, Bahagian A, butir 18 Keperluan Penyenaiaian Bursa Sekuriti.

## 7. Variasi dalam Keputusan

Tidak ada anggaran keuntungan, ramalan atau unjuran dikeluarkan oleh Syarikat dan anak syarikatnya semasa tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2009.

Dikemukakan menurut Lampiran 9C, Bahagian A, butir 19 Keperluan Penyenaiaian Bursa Sekuriti.

## 8. Jaminan Keuntungan

Tidak ada jaminan keuntungan diberi oleh Syarikat dan anak syarikatnya semasa tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2009.

Dikemukakan menurut Lampiran 9C, Bahagian A, butir 20 Keperluan Penyenaiaian Bursa Sekuriti.

## 9. Kontrak Ketara

Melainkan yang dikemukakan di bawah, tidak ada sebarang kontrak ketara lain (tidak termasuk kontrak yang dimasukkan dalam perniagaan harian) yang dimasuki oleh Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya yang melibatkan kepentingan para Pengarah dan pemegang saham utama yang masih wujud pada hujung tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 mahupun dimasuki sejak akhir tahun kewangan yang lalu.

- Pada 31 Julai 2009, Syarikat telah memperoleh semua kepentingan ekuiti dalam Toyo (Viet) Paper Product Co., Ltd daripada New Toyo Aluminium Paper Products Co Pte Ltd, anak syarikat milikan penuh New Toyo International Holdings Ltd, pemegang saham besar dan syarikat pemegang untuk pertimbangan wang tunai sebanyak RM12,853,475 (bersamaan dengan USD3.65 juta).

Dikemukakan menurut Lampiran 9C, Bahagian A, butir 21 Keperluan Penyenaiaian Bursa Sekuriti.

## 10. Dasar Penilaian Semula

Dasar penilaian semula harta tanah dikemukakan dalam Nota 2 (d) penyata kewangan.

Dikemukakan menurut Lampiran 9C, Bahagian A, butir 24 Keperluan Penyenaiaian Bursa Sekuriti.

## 11. Transaksi Berulangan Parti Berkaitan Bersifat Pendapatan atau Perdagangan ("RRPT")

Pada Mesyuarat Agung Tahunan yang diadakan pada 15 Jun 2009 dan Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 7 Disember 2009, Syarikat telah memperoleh mandat pemegang saham untuk membenarkan Kumpulan TWP memasuki RRPT dengan pihak-pihak berkaitan yang perlu untuk operasi harian. Mandat RRPT tersebut sah sehingga selesainya Mesyuarat Agung Tahunan Ke-15 Syarikat yang akan diadakan pada 3 Jun 2010.

Butir-butir RRPT yang dikendalikan dalam tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2009 selaras dengan mandat pemegang saham tersebut adalah seperti berikut:-

Nama Syarikat	Nama Syarikat yang bertransaksi dengan	Jenis Transaksi	Nilai Transaksi RM '000	Parti Berkaitan	Hubungan Parti Berkaitan dengan Kumpulan Tien Wah Press Holdings Berhad ("TWPH")
1. Tien Wah Press (M) Sdn Bhd ("TWPM") dan Tien Wah Properties Sdn Bhd ("TWPP")	Paper Base Converting Sdn Bhd ("PBC")	(i) Pembelian Bahan Mentah (ii) Jualan bahan mentah dan kalendar. (iii) Pendapatan sewaan pejabat dan bangunan kilang	4,354 (394) (597)	<b>Pengarah</b> (i) Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel bin Tengku Ariff ("Tengku Mahaleel") (ii) Gary Yen (iii) Stanley Mark Mitchell ("Mark Mitchell")  <b>Pemegang Saham utama</b> (i) New Toyo International Holdings Ltd ("NTIH") (ii) New Toyo Lamination (M) Pte Ltd ("NTL") (iii) Tien Wah Holdings (1990) Sdn Bhd ("TWH") (iv) Singapore Pacific Investments Pte Ltd ("SPI") (v) Yen Wen Hwa @Ngan Tzee Manh ("Yen Wen Hwa") (vi) Lu Le Nhi (vii) Yen & Son Holdings Pte Ltd ("YSH")	(i) Tengku Mahaleel ialah pengarah TWPH dan juga pengarah NTIH. (ii) Gary Yen ialah pengarah TWPH dan Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif NTIH dan orang yang berkait dengan Yen Wen Hwa. (iii) Mark Mitchell ialah pengarah TWPH yang dicalonkan oleh NTIH  NTIH ialah pemegang saham utama TWPH melalui pemegangan saham di dalam TWH dan SPI. NTL ialah pemegang saham utama TWPH melalui pemegangan sahamnya dalam TWH. PBC ialah anak syarikat milikan penuh NTL, yang seterusnya merupakan anak syarikat milikan penuh NTIH. TWH ialah pemegang saham utama TWPH dengan kepentingan ekuiti langsung 24.0% pada 27 April 2010. SPI ialah pemegang saham utama TWPH dengan kepentingan ekuiti langsung 29.9% pada 27 April 2010. Yen Wen Hwa ialah pemegang saham utama TWPH melalui pemegangan sahamnya dalam YSH dan NTIH. Lu Le Nhi ialah pemegang saham utama TWPH melalui pemegangan saham oleh pasangannya, Yen Wen Hwa dan pemegangan sahamnya dalam YSH dan NTIH. YSH ialah pemegang saham utama TWPH melalui pemegangan saham dalam NTIH.
2. TWPM, Alliance Print Technologies Co Ltd ("APT") dan Anzpac Services (Australia) Pte Ltd ("Anzpac")	NTIH	(i) Yuran pengurusan dibayar/berbayar (ii) Faedah dibayar	2,199 42	Pengarah dan Pemegang Saham Utama seperti yang dilaporkan dalam transaksi pendedahan no. 1 di atas.	Hubungan parti berkaitan seperti yang dilaporkan dalam transaksi pendedahan no: 1 di atas.
3. APT	New Toyo International Co (Pte) Ltd ("NTIT")	(i) Jualan karton lipat tembakau bercetak	(8,233)	Pengarah dan Pemegang Saham Utama seperti yang dilaporkan dalam transaksi pendedahan no. 1 di atas.	Hubungan parti berkaitan seperti yang dilaporkan dalam transaksi pendedahan no: 1 di atas.  NTIT ialah anak syarikat milikan penuh NTIH, syarikat pemegangan besar dan mutlak TWPH.
4. TWPM dan APT	New Toyo Aluminium Paper Product Co Ltd ("NTA")	(i) Jualan bahan mentah (ii) Pembelian bahan mentah (iii) Pembelian Toyo (Viet) Paper Product Co., Ltd ("TVP")	(87) 220 12,837	Pengarah dan Pemegang Saham Utama seperti yang dilaporkan dalam transaksi pendedahan no. 1 di atas.	Hubungan parti berkaitan seperti yang dilaporkan dalam transaksi pendedahan no: 1 di atas.  NTA ialah anak syarikat milikan penuh NTIH, syarikat pemegangan besar dan mutlak TWPH.
5. APT dan TVP	New Toyo (Vietnam) Aluminium Paper Packaging Co Ltd ("NTVN")	(i) Pembelian bahan mentah	8	Pengarah dan Pemegang Saham Utama seperti yang dilaporkan dalam transaksi pendedahan no. 1 di atas.	Hubungan parti berkaitan seperti yang dilaporkan dalam transaksi pendedahan no: 1 di atas.  NTVN ialah anak syarikat milikan penuh NTIH, syarikat pemegangan besar dan mutlak TWPH.

Nama Syarikat	Nama Syarikat yang bertransaksi dengan	Jenis Transaksi	Nilai Transaksi RM '000	Parti Berkaitan	Hubungan Parti Berkaitan dengan Kumpulan Tien Wah Press Holdings Berhad ("TWPH")
6.APT dan TWPM	Toyoma Aluminium Foil Packaging Sdn Bhd ("TAF")	(i) Pembelian aset tetap (ii) Sewaan gudang	206 146	Pengarah dan Pemegang Saham Utama seperti yang dilaporkan dalam transaksi pendedahan no. 1 di atas.	Hubungan parti berkaitan seperti yang dilaporkan dalam transaksi pendedahan no: 1 di atas.  TAF ialah syarikat bersekutu NTIH dan dimiliki 40% oleh Tengku Mahaleel, Pengarah TWPH.
7. APT	TVP (pra-perolehan)	(i) Jualan aset tetap (ii) Pembelian bahan mentah (iii) Sewaan gudang dan pengeluaran	(220) 1 290	Pengarah dan Pemegang Saham Utama seperti yang dilaporkan dalam transaksi pendedahan no. 1 di atas.	Hubungan parti berkaitan seperti yang dilaporkan dalam transaksi pendedahan no: 1 di atas.  TVP merupakan anak syarikat milikan penuh NTA (pra-perolehan pada 31 Julai 2009), yang seterusnya ialah anak syarikat milikan penuh NTIH, syarikat pemegang besar dan mutlak TWPH.
8. APT dan TVP	Vina Toyo Co Ltd ("VT")	(i) Jualan bahan mentah (ii) Pembelian bahan mentah	(188) 507	Pengarah dan Pemegang Saham Utama seperti yang dilaporkan dalam transaksi pendedahan no. 1 di atas.	Hubungan parti berkaitan seperti yang dilaporkan dalam transaksi pendedahan no: 1 di atas.  VT ialah syarikat milikan 50% New Toyo Corrugated Products Pte Ltd, yang seterusnya ialah anak syarikat milikan penuh NTIH, syarikat pemegang besar dan mutlak TWPH.
9. TWPH, TWPM, APT, TVP dan Anzpac	Max Ease International Ltd ("MEIL")	(i) Pendapatan faedah (ii) Jualan karton bercetak	111 60,897	Pengarah dan Pemegang Saham Utama seperti yang dilaporkan dalam transaksi pendedahan no. 1 di atas.	Hubungan parti berkaitan seperti yang dilaporkan dalam transaksi pendedahan no: 1 di atas.  MEIL ialah syarikat milikan 51% TWPH dan milikan 49% NTIH, syarikat pemegang besar dan mutlak TWPH.
10. TWPM	Anzpac	(i) Pembelian papan kertas	33	Pengarah dan Pemegang Saham Utama seperti yang dilaporkan dalam transaksi pendedahan no. 1 di atas.	Hubungan parti berkaitan seperti yang dilaporkan dalam transaksi pendedahan no: 1 di atas.  Anzpac ialah anak syarikat milikan penuh MEIL, yang seterusnya ialah milikan 51% TWPH dan milikan 49% NTIH, syarikat pemegang besar dan mutlak TWPH.
11. MEIL	New Toyo Pulppy (Hong Kong) Ltd ("NTPHK")	(i) Perkhidmatan 'outsourced' tugas pentadbiran jualan dan perakaunan	140	Pengarah dan Pemegang Saham Utama seperti yang dilaporkan dalam transaksi pendedahan no. 1 di atas.	Hubungan parti berkaitan seperti yang dilaporkan dalam transaksi pendedahan no: 1 di atas.  NTPHK ialah syarikat di mana Gary Yen, pengarah TWPH dan Yen Wen Hwa, pemegang saham utama TWPH juga merupakan pengarah dan pemegang saham utama melalui pemegang saham mereka dalam Greeting Tomt Ltd.
12. APT dan TVP	New Toyo Pulppy (Vietnam) Co. Ltd ("NTPV")	(i) Jualan kertas buangan	(532)	Pengarah dan Pemegang Saham Utama seperti yang dilaporkan dalam transaksi pendedahan no. 1 di atas.	Hubungan parti berkaitan seperti yang dilaporkan dalam transaksi pendedahan no: 1 di atas.  NTPV ialah anak syarikat milikan penuh NTPHK, di mana Gary Yen yang merupakan pengarah TWPH, juga merupakan ahli Lembaga pengurusan dan pemegang saham utama memandangkan kepentingan beliau di dalam NTPHK.
<b>JUMLAH</b>			<b>71,740</b>		

Harga transaksi, terma dan syarat ditentukan oleh kuasa pasaran dan sebandingan dengan transaksi yang berkaitan dengan pihak awam, yang bergantung pada permintaan dan pembekalan produk dan perkhidmatan. Tiada layanan istimewa yang diberi kepada pihak berkaitan.

Dikemukakan menurut Perenggan 10.09(2)(b) Keperluan Penyenaaraan Bursa Securities.



# Laporan Jawatankuasa Audit

Laporan Tahunan . 2009 . Annual Report

## 1. AHLI JAWATANKUASA

Ahli Jawatankuasa Audit masa kini merangkumi:-

1. En. Goh Seng Chuan - Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif, Bebas
2. Lt. Jen (B) Datuk Haji Abdul Aziz bin Hasan - Pengarah Bukan Eksekutif, Bebas
3. En. Tung Kum Hon - Pengarah Bukan Eksekutif, Bebas

En Tung Kum Hon merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia. Berhubungan ini, Syarikat telah mematuhi perenggan 15.09(1)(c)(i) Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Pasaran Utama Malaysia Securities Berhad.

Ahli-ahli Jawatankuasa Audit tidak boleh mempunyai hubungan yang, pada pendapat Lembaga Pengarah, boleh menjejaskan keputusan bebas dalam melaksanakan fungsi Jawatankuasa Audit. Ahli-ahli Jawatankuasa Audit juga mesti memiliki pertimbangan yang mendalam, berobjektif, bersifat bebas, berpengalaman dalam pengurusan dan berpengetahuan mengenai industri. Semua ahli Jawatankuasa Audit mesti mempunyai pengetahuan mendalam dalam bidang kewangan dan boleh menganalisis dan mentafsir penyata kewangan untuk menjalankan tugas dan tanggung jawab mereka selaku ahli-ahli Jawatankuasa Audit.

### Kehadiran

Jawatankuasa Audit telah mengadakan lima (5) mesyuarat, setiap suku tahunan dan satu mesyuarat tambahan dalam tahun kewangan ini. Mesyuarat-mesyuarat tersebut distrukturkan dengan sewajarnya melalui penggunaan agenda, yang diedarkan kepada ahli-ahli dengan memberi tempoh notis yang secukupnya. Satu korum terdiri daripada sebilangan besar pengarah bebas.

Pengawal Kewangan, Ketua Audit Dalaman dan Setiausaha Syarikat turut hadir dalam semua mesyuarat. Wakil-wakil Juruaudit Luar, Tetuan KPMG dan ahli-ahli pengurusan atasan juga turut menghadiri mesyuarat-mesyuarat tertentu atas jemputan.

Berikut adalah butir-butir kehadiran setiap ahli Jawatankuasa Audit di mesyuarat sepanjang tempoh tahun kewangan ini:-

Nama	Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Audit		%
	Diadakan	Dihadiri	
En. Goh Seng Chuan	5	5	100
Lt. Jen (B) Datuk Haji Abdul Aziz bin Hasan	5	5	100
En. Tung Kum Hon	5	3	60

## 2. KOMPOSISI DAN TERMA RUJUKAN

Jawatankuasa Audit hendaklah dilantik oleh para Pengarah dari kalangan mereka (menurut resolusi Lembaga Pengarah) yang memenuhi keperluan berikut:

- a) Jawatankuasa Audit mesti mengandungi tidak kurang daripada tiga (3) ahli;
- b) bilangan majoriti ahli Jawatankuasa Audit mestilah terdiri daripada pengarah bebas;
- c) semua ahli Jawatankuasa Audit termasuk Pengerusi mestilah terdiri daripada pengarah bukan eksekutif;
- d) semua ahli Jawatankuasa Audit mestilah mempunyai pengetahuan dalam bidang kewangan yang mendalam; dan
- e) sekurang-kurangnya seorang (1) daripada ahli Jawatankuasa Audit
  - i) mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia ("MIA"); atau
  - ii) jika beliau bukan ahli MIA, beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja dan:
    - beliau mestilah lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Pertama Akta Akauntan, 1967; atau
    - beliau mestilah ahli salah sebuah persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan, 1967.
  - iii) menepati keperluan yang ditetapkan atau diluluskan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad.

Ahli-ahli Jawatankuasa Audit hendaklah melantik seorang pengerusi yang merupakan pengarah bebas daripada kalangan mereka sendiri.

Sekiranya terdapat jawatan kosong dalam Jawatankuasa Audit yang mengakibatkan tidak mematuhi butiran (a) ke (c) di atas, jawatan kosong tersebut mesti diisi dalam masa tiga (3) bulan selepas kejadian tersebut.

Lembaga Pengarah mesti mengkaji semula bidang tugas dan prestasi Jawatankuasa Audit dan setiap ahlinya sekurang-kurangnya sekali setiap tiga (3) tahun untuk menentukan sama ada Jawatankuasa Audit dan ahli-ahlinya melaksanakan tugas mengikut terma rujukan. Pada tahun kewangan yang dikaji, Lembaga Pengarah telah mengkaji terma bidang tugas dan prestasi Jawatankuasa Audit dan setiap ahli Jawatankuasa Audit.

## Fungsi

Berikut adalah fungsi-fungsi Jawatankuasa Audit:-

- a) mengkaji perkara-perkara yang berikut dan melaporkannya kepada Lembaga Pengarah:-
  - i) dengan juruaudit luar, rancangan audit;
  - ii) dengan juruaudit luar, penilaiannya tentang sistem kawalan dalaman;
  - iii) dengan juruaudit luar, laporan auditnya;
  - iv) bantuan yang diberikan oleh pekerja Syarikat kepada juruaudit luar;
  - v) sebarang urusan dengan pihak berkaitan dan konflik kepentingan yang mungkin timbul di dalam Syarikat atau Kumpulan, termasuk sebarang urusan, prosedur atau kelakuan yang mungkin menimbulkan persoalan tentang integriti pengurusan.
- b) mempertimbangkan pelantikan juruaudit luar, yuran audit dan perkara mengenai perletakan atau pemecatan jawatan;
- c) berbincang dengan juruaudit luar mengenai sifat dan skop audit sebelum audit dimulakan, dan memastikan kerjasama jika lebih daripada satu firma audit terlibat;
- d) mengkaji semula penyata kewangan suku tahunan dan akhir tahunan Syarikat, dengan memberikan tumpuan khusus pada:
  - Mana-mana perubahan di dalam polisi dan amalan perakaunan;
  - Penyesuaian ketara yang timbul daripada audit;
  - Anggaran perniagaan yang berterusan; dan
  - Pematuhan kepada piawai perakaunan dan keperluan undang-undang yang lain;
- e) membincangkan masalah dan keraguan yang timbul daripada audit selang dan akhir, dan apa-apa perkara yang ingin dibincangkan oleh juruaudit (tanpa kehadiran pihak pengurusan jika perlu)
- f) mengkaji semula surat pengurusan juruaudit luar dan jawapan pihak pengurusan;
- g) untuk melaksanakan perkara-perkara berikut berkaitan dengan fungsi juruaudit dalaman:-
  - Menubuhkan fungsi audit dalaman yang bebas daripada aktiviti-aktiviti yang diauditnya dan melantik ketua audit dalaman yang akan melapor terus kepada Jawatankuasa Audit;
  - Mengkaji semula kecukupan skop, fungsi, kecekapan dan sumber audit dalaman, dan kepunyaan kuasa yang sewajarnya untuk menjalankan tugas mereka;
  - Mengkaji semula program audit dalaman dan keputusan audit dalaman, dan jika perlu, memastikan tindakan yang sewajarnya dilaksanakan ke atas cadangan fungsi audit dalaman;
  - Mengkaji semula apa-apa penilaian atau taksiran ke atas prestasi ahli fungsi audit dalaman;
  - Meluluskan apa-apa pelantikan atau penamatan kakitangan kanan fungsi audit dalaman;
  - Ambil kesedaran tentang peletakan jawatan kakitangan audit dalaman dan memberinya peluang untuk mengemukakan sebab-sebab beliau meletak jawatan;
  - Menyediakan laporan, sekurang-kurangnya sekali (1) setahun, kepada Lembaga Pengarah meringkaskan aktiviti-aktiviti fungsi audit dalaman kerja yang dilaksanakan dalam menunaikan tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit, termasuk butir-butir tentang latihan berkaitan yang dihadiri oleh setiap ahli Jawatankuasa Audit.
- h) mempertimbangkan keputusan utama siasatan dalaman dan balasan pengurusan;
- i) mempertimbangkan perkara-perkara lain seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah.

## Hak Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit hendaklah, sekiranya perlu dan wajar bagi Syarikat untuk melaksanakan tugasnya, mengikut prosedur yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dan atas kos Syarikat:-

- a) mempunyai kuasa untuk menyiasat sebarang perkara di dalam terma rujukannya;
- b) mempunyai sumber yang secukupnya untuk melaksanakan tugasnya;
- c) mempunyai akses sepenuhnya tanpa had kepada semua maklumat dan dokumen berkaitan dengan Kumpulan TWP;
- d) mempunyai saluran komunikasi yang terus kepada juruaudit luar dan sesiapa sahaja yang melaksanakan fungsi dan kegiatan audit dalaman secara berterusan supaya perkara-perkara yang melibatkan Kumpulan TWP diketahui;
- e) boleh mendapat nasihat profesional bebas atau nasihat lain yang dianggap perlu; dan
- f) boleh mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar, juruaudit dalaman atau kedua-duanya, tanpa kehadiran pengarah dan pekerja lain Kumpulan, pada bila-bila masa yang dianggap perlu.

## Mesyuarat

Jawatankuasa Audit akan bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun, dengan mesyuarat tambahan yang perlu bagi melaksanakan tugasnya menurut kehendak Pengerusi. Butir-butir kehadiran setiap ahli Jawatankuasa Audit di mesyuarat yang diadakan pada tahun kewangan dikemukakan di dalam perenggan "Kehadiran" dalam Laporan Jawatankuasa Audit ini.

Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Audit akan bermesyuarat dengan juruaudit luar sekurang-kurangnya dua kali setahun tanpa kehadiran ahli eksekutif Lembaga. Tahun ini Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat dengan Juruaudit Luar secara berasingan sebanyak dua (2) kali tanpa kehadiran Pengarah Eksekutif dan pihak pengurusan kanan.

Tambahan, Pengerusi boleh mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Audit sekiranya permintaan dibuat oleh mana-mana ahli jawatankuasa, EXCO atau juruaudit luar atau dalaman.

Setiausaha Syarikat atau pegawai kanan lain akan bertindak sebagai setiausaha kepada Jawatankuasa Audit dan akan bertanggungjawab, selaras dengan Pengerusi, ke atas pembentukan agenda dan pengedarannya, disokong oleh dokumen penjelasan kepada ahli-ahli jawatankuasa sebelum setiap mesyuarat.

Setiausaha Syarikat juga bertanggungjawab mencatatkan minit mesyuarat Jawatankuasa Audit, dan mengedarkannya kepada ahli-ahli Jawatankuasa Audit dan ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lain.

Satu korum mesti terdiri daripada bilangan majoriti ahlinya adalah pengarah bebas.

Pengawal Kewangan, Ketua Audit Dalaman dan seorang wakil juruaudit luar harus menghadiri mesyuarat. Jawatankuasa Audit akan menjemput Pengarah lain, pihak pengurusan kanan dan pekerja untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Audit lain yang tertentu apabila diperlukan.

Selain mesyuarat, Pengerusi Jawatankuasa Audit mesti secara berterusan, berhubung dengan pihak pengurusan kanan, seperti Pengerusi Eksekutif, Pengawal Kewangan, Pengurus-pengurus Besar Bahagian, Ketua Perniagaan Label dan Karton Bercetak, Ketua Audit Dalaman dan juruaudit luar agar sentiasa dikemaskinikan sewajarnya tentang perkara-perkara yang membawa kesan kepada Kumpulan TWP.

### 3. RINGKASAN KEGIATAN

Jawatankuasa Audit telah menjalankan tanggungjawab dan tugas-tugasnya bagi tahun ini seperti yang dinyatakan dalam terma rujukannya yang digariskan dalam perenggan "Komposisi dan Terma Rujukan" dalam Laporan Jawatankuasa Audit ini.

Semasa tahun kewangan yang dikaji, isu-isu utama lain yang dikaji oleh Jawatankuasa Audit adalah diringkaskan seperti berikut:-

- Mengkaji isu-isu berkenaan dengan Kumpulan TWP, yang mempunyai kesan yang ketara terhadap keputusan Kumpulan TWP yang merangkumi perihal korporat, percantuman dan pemerolehan dan peningkatan hubungan dengan pelanggan-pelanggan utama.
- Meninjau laporan audit dalaman yang disediakan oleh Ketua Audit Dalaman, yang mengemukakan isu-isu audit, cadangan-cadangan dan respons pihak pengurusan. Berbincang dengan pihak pengurusan tentang tindakan yang diambil untuk mempertingkatkan sistem kawalan dalaman berdasarkan peluang peningkatan yang dikenal pasti dalam laporan audit dalaman.
- Meninjau Laporan Jawatankuasa Audit, Pernyataan Tadbir Urus Korporat, Pernyataan Kawalan Dalaman untuk dilampirkan dalam laporan tahunan dan penyata kewangan beraudit Syarikat sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan mereka. Tinjauan ini adalah bertujuan untuk memastikan penyata kewangan beraudit disediakan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawai perakaunan diluluskan yang berkenaan.
- Meninjau pengumuman keputusan kewangan suku tahunan tidak beraudit sebelum mensyorkan bagi kelulusan Lembaga Pengarah.
- Meninjau penyata kewangan beraudit tahunan bagi Syarikat dan Kumpulan.
- Meninjau transaksi dengan pihak berkaitan yang dimasuki oleh Kumpulan TWP.

### 4. PROGRAM LATIHAN

Sepanjang tahun kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009, program latihan dan seminar yang dihadiri oleh ahli-ahli Jawatankuasa Audit termasuk bidang berkaitan dengan risiko perniagaan, tadbir urus korporat, kewangan dan perakaunan korporat untuk mempertingkatkan pengetahuan mereka agar dapat membolehkan mereka melaksanakan tugas mereka dengan lebih berkesan dan kursus-kursus yang dihadiri adalah seperti berikut:

- Peranan jawatankuasa audit dan cabaran bagi audit dalaman
- Menilai semula risiko ekoran kekacauan ekonomi
- Pengemaskinian cukai, bajet dan Piawaian Pelaporan Kewangan
- Pemodenan tanggungjawab pengarah dan hak-hak pemegang saham
- Tadbir urus korporat

### 5. FUNGSI AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman pada tahun ini dikendalikan oleh unit audit dalaman sendiri yang bebas daripada kegiatan atau operasi Syarikat. Peranan utama audit dalaman adalah untuk mengendalikan pengajian sistematik dan bebas, terhadap sistem-sistem kawalan dalaman untuk memastikan sistem-sistem ini terus beroperasi secara efektif dan baik. Ia adalah tanggungjawab juruaudit dalaman untuk memberikan kepada Jawatankuasa Audit laporan yang bebas dan objektif mengenai keadaan pengurusan risiko, kawalan dan pentadbiran unit-unit operasi dalam Kumpulan TWP dan kepatuhan unit-unit terhadap prosedur Kumpulan TWP yang ditetapkan di samping keperluan undang-undang yang berkaitan.


Butir-butir lanjut mengenai kegiatan jabatan audit dalaman kumpulan adalah dikemukakan dalam Pernyataan Kawalan Dalaman laporan tahunan.

Kos ditanggung untuk audit dalaman dalam syarikat semasa tahun kewangan dianggarkan berjumlah RM95,000 termasuk perbelanjaan.

### 6. PENYATA OLEH JAWATANKUASA AUDIT

Tiada opsyen saham ditawarkan kepada pekerja yang layak atau pengarah bukan eksekutif semasa tahun yang berakhir pada 31 Disember 2009. Skim Opsyen Saham Eksekutif telah tamat tempoh pada 4 Februari 2009.

Laporan Jawatankuasa Audit ini disediakan menurut resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 26 April 2010.



## PENCAPAIAN TINGGI

Rekod terbukti bagi integriti serta mutu  
dengan peralatan terancangqih

Prestasi kepakaran pujian



# Tanggungjawab Sosial Korporat

Laporan Tahunan . 2009 . Annual Report

Rangka Kerja Tanggungjawab Sosial Korporat (“CSR”) Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Securities”) bagi Syarikat Tersenarai Awam telah mentafsirkan CSR sebagai “amalan perniagaan yang terbuka serta telus berdasarkan nilai-nilai etika dan rasa hormat kepada masyarakat, pekerja, alam sekitar, pemegang saham dan pihak-pihak berkepentingan yang lain. Ia dibentuk untuk menyampaikan nilai mampan kepada masyarakat umum.”

TWP sedar akan obligasinya mendukung tingkah laku perniagaan beretika dalam pengendalian aktiviti perniagaannya dan berikhtiar mengamalkan kesemuanya secara terbuka, telus dan dengan sikap bertanggungjawab terhadap pasaran, masyarakat, tempat kerja dan persekitaran.

## 1. Dimensi Pasaran

### Tadbir Urus Korporat

Dalam usaha kami ke arah tadbir urus korporat yang cemerlang, kami telah mencatatkan peristiwa penting apabila TWP dianugerahkan Kecemerlangan Industri bagi Produk-produk Perindustrian di Papan Kedua bagi pelaporan tahun 1998 ke tahun 2001 and tahun 2004 ke tahun 2007.

Anugerah ini menjadi bukti kukuh mengenai komitmen, usaha dan kesungguhan kami dalam mencapai tahap ketelusan dan kebertanggungjawaban terhadap para pelabur. Piawaian tinggi juga ditetapkan untuk memastikan laporan tahunan kami diterbitkan dengan tepat pada masanya, bermaklumat, berfakta di samping mesra pembaca terhadap para pelabur.

### Penglibatan Pihak Berkepentingan

Selaras dengan amalan tadbir urus yang baik di seluruh dunia, kami mengekalkan suatu tahap ketelusan yang tinggi dalam urusan kami dengan pelbagai pemegang berkepentingan melalui pelbagai saluran telekomunikasi seperti taklimat secara bersemuka, mesyuarat kerap, telesidang, tinjauan, pendedahan maklumat yang tepat pada masanya kepada Bursa Securities, mesyuarat agung tahunan, laporan tahunan dan pemaparan maklumat terkini di laman web Syarikat.

### Amalan Pemerolehan

Dalam menguruskan isu-isu berkaitan dengan pemerolehan bekalan kami, TWP mengambil kira kriteria tertentu yang perlu dipenuhi oleh pembekal utama kami. Beberapa daripada kriteria tersebut adalah keperluan mempunyai suatu sistem kawalan persekitaran dan piawaian kesihatan dan keselamatan yang baik. Berhubungan dengan ini, TWP menunjukkan keutamaannya kepada rakan perniagaan yang mempunyai nilai-nilai yang sama dengannya.

### Diperakui-ISO 9001:2008

TWP Malaysia merupakan sebuah organisasi yang diperakui dengan ISO 9001:2008. Pengakuan ini telah disahkan semula selepas tinjauan terhadap sistem dan proses TWP Malaysia yang dikendalikan oleh TUV Rheinland Malaysia, pejabat setempat bagi Kumpulan TUV Rheinland.


ISO 9001:2008 ialah piawaian kemaskini untuk system pengurusan kualitas, salah satu piawaian yang paling terkemuka dikeluarkan oleh Organisasi Piawaian Antarabangsa (“ISO”). Piawaian ini adalah berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

- Tumpuan Pelanggan
- Kepimpinan
- Penglibatan insan
- Pendekatan proses
- Pendekatan system terhadap pengurusan
- Perbaikan yang berterusan
- Pendekatan faktual dalam membuat keputusan
- Hubungan pembekal yang saling memanfaatkan

## 2. Dimensi Tempat Kerja

### Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar ("HSE")

Jawatankuasa HSE diketuai oleh Pengerusi Eksekutif telah dibentuk pada tahun 2007 untuk memastikan semua hal-ehwal kesihatan, keselamatan dan alam sekitar dilaksanakan secara berterusan dan berkesan di seluruh organisasi. Untuk memastikan hal-ehwal HSE diberikan perhatian secara berkesan di seluruh syarikat, 7 subjawatan kuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji bahagian-bahagian tertentu seperti penyelenggaraan dan kebersihan, bahaya kebakaran, pencegahan kecederaan, bahan berbahaya, logistik dan gudang, kawalan serangga dan juga pembuangan sisa. Semua peringkat pekerja sama ada kakitangan biasa mahupun dari peringkat pengurusan kanan digalakkan memainkan peranan dalam mengenal pasti dan menyelesaikan mana-mana isu keselamatan yang bakal berlaku, yang mungkin timbul dari masa ke semasa. Struktur Jawatankuasa HSE TWP ditunjukkan di bawah.




Kempen Penyedaran HSE yang dianjurkan pada tahun 2007 dengan cogan kata "saya selamat dan saya tidak membazir" diteruskan sepanjang tahun 2009. Ini sebahagian daripada komitmen kami untuk bertindak secara bertanggungjawab terhadap persekitaran disamping menyediakan satu tempat kerja yang selamat bagi semua pekerja. Kewujudan piawaian tinggi HSE telah memainkan peranan utama dalam pengiktirafan TWP sebagai "pembekal yang diluluskan" oleh British American Tobacco Malaysia.

### Kaizen

TWP Malaysia terus mengadopsi Kaizen sebagai sebahagian daripada identiti korporatnya sepanjang tahun 2009. Kaizen, yang bererti "peningkatan" adalah falsafah yang menekankan peningkatan berterusan dalam semua fungsi perniagaan yang melibatkan semua pekerja dari yang terendah ke peringkat tertinggi. Setelah berjaya dan terbukti perlaksanaan, Kaizen akan diamalkan di operasi TWP di tempat kerja lain.

Di antara tujuan-tujuan kunci TWP berusaha untuk mencapai adalah penghapusan sisa (dalam bentuk bahan, masa, wang dan usaha), kawalan kualiti dan khidmat pelanggan. Untuk memudahkan pelaksanaan Kaizen, 10 pasukan, di bawah arahan Pengerusi Eksekutif kami dibentuk. Setiap satu pasukan ini diketuai oleh ahli Jawatankuasa Eksekutif atau Ketua Jabatan mengikut struktur yang dibentangkan di bawah:



### Keselamatan di Tempat Kerja

Kami percaya akan menyediakan satu tempat kerja yang selamat dan sesuai bagi semua pekerja dengan menyediakan kelengkapan perlindungan dan mengamalkan amalan keselamatan tempat kerja yang bagus. Antaranya adalah seperti berikut:

#### Peralatan Perlindungan

Pekerja-pekerja diperuntukkan peralatan perlindungan seperti kacamata, sarung tangan perlindungan, kasut but getah semasa pengendalian bahan kimia untuk membasuh silinder pencetakan atau mengendalikan pelarut. Selain itu, pekerja yang mengendalikan pelarut akan diberikan peralatan perlindungan pernafasan. Penyumbat telinga atau pelindung telinga turut disediakan bagi pekerja yang berkerja di kawasan-kawasan yang dipaparkan dengan tanda "Perlindungan Pendengaran Diperlukan".

#### Amalan Keselamatan

Demi memastikan semua kontraktor ad hoc yang bekerja di tapak premis kami berkelayakan dan prihatin terhadap keselamatan, kami telah mengadopsi Sistem Kebenaran Kerja (The Permit to Work atau PTW) yang memerlukan permit kerja yang berkenaan mengikut jenis pekerjaan yang dijalankan. Begitu juga dengan mana-mana tugas yang memerlukan penguraian peralatan elektrik, yang hanya boleh dilakukan oleh seorang juruelektrik yang sah. Ini selaras dengan prinsip "Utamakan Keselamatan" kami. Kami juga mengamalkan Analisis Keselamatan Tugas (JSA) untuk tugas yang dianggap berbahaya atau berisiko untuk menentukan langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil sebelum sesuatu tugas dibenarkan bermula. Berhubung dengan kemasukan ke ruang tertutup, semua langkah keselamatan mesti diambil untuk menjaga suasana yang selamat di ruang tertutup bagi tempoh berada di ruang tersebut. Selain itu, pekerja mestilah menggunakan peralatan tangan yang sesuai dan memakai pakaian perlindungan apabila perlu demi mencegah kemalangan perindustrian. Untuk mengelak daripada risiko kebakaran, syarikat telah menyediakan "Kawasan Merokok" di kilang.


#### Acara yang diadakan sepanjang tahun

HSE telah menganjurkan pelbagai latihan termasuk kesedaran mengenai HSE, keselamatan penggunaan fklif dan juga, Resusitasi Kardiopulmonari "CPR". Selain itu, kami juga mengadakan kempen untuk mengurangkan insiden kemalangan yang berkaitan dengan kerja. Pada 14 Disember 2009, satu Latihan Pengungsian Kebakaran tahunan dikendalikan dengan berjayanya di premis kilang dan pejabat di Seksyen 14.

## 3. Pembangunan Modal Manusia

### Latihan dan Pembangunan

Di TWP, kami menganggap tenaga pekerja sebagai salah satu aset syarikat yang paling penting. Justeru itu, kami memandang serius pembangunan modal manusia kami dan amat menghargai sumbangan mereka kepada syarikat. Pada tahun 2009, kami telah menjalankan banyak latihan dan seminar, sama ada kursus dalaman mahupun kursus kendalian perunding luar, untuk mempromosi dan melengkapkan para pekerja dengan kemahiran yang betul dan pengetahuan kerja untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam kerja mereka. Pada tahun 2009, 101 program latihan telah diadakan bagi memanfaatkan 450 pekerja Kumpulan yang meliputi pelbagai topik pengetahuan seperti peningkatan kualiti, pengetahuan produk, pengetahuan teknikal mengenai percetakan, dan teknologi maklumat antara lainnya.



### Manfaat dan Kebajikan

Untuk menyediakan kualiti hidup yang lebih baik bagi tenaga kerja kami di samping memupuk budaya berasaskan prestasi dalam organisasi, kami percaya bahawa pekerja yang berprestasi baik hendaklah diberikan ganjaran yang sewajarnya. Oleh itu, kami sentiasa berusaha untuk meningkatkan keberkesanan sistem penilaian prestasi kami demi memberikan pengiktirafan dan ganjaran yang sewajarnya. TWP juga menyediakan manfaat-manfaat kepada para pekerja kami seperti liputan kesihatan dan insurans, bonus tahunan, pembayaran ex-gratia dan juga subsidi pinjaman pengajian sekiranya wajar. Manfaat-manfaat ini, bersama tatadisiplin dan tatacara membuat aduan digariskan dalam "Buku Panduan Eksekutif" dan "Buku Panduan Perjanjian Pekerjaan bagi Syarat-Syarat Pekerja" yang diberikan kepada semua pekerja kumpulan TWP.

### Gaya Hidup Sihat

Kami percaya bahawa pekerja sihat adalah pekerja yang produktif. TWP, melalui Kelab Sukan dan Rekreasi, telah menyediakan pelbagai kemudahan bagi tujuan permainan, senaman dan juga rekreasi.

## 4. Dimensi Komuniti

Kami amat yakin bahawa sebagai warga korporat yang baik, kami hendaklah menambah nilai kepada masyarakat tempatan di mana kami beroperasi sementara mendukung piawaian kelakuan dan integriti yang tinggi dalam menjalankan amalan perniagaan kami. Kami menyumbang secara positif kepada masyarakat melalui inisiatif-inisiatif utama yang berikut:-

#### Pengajian Tenaga Kerja Tempatan

Kami yakin pada kemampuan dan kemahiran tenaga kerja tempatan. Kami akan menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada warga tempatan terlebih dahulu berbanding dengan warga asing.

#### Inisiatif Pelaburan Komuniti

TWP telah lama menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada mereka yang kurang bernasib baik mahupun kurang upaya. Ini menggambarkan sikap prihatin kami dengan menghargai mereka sebagai sebahagian daripada tenaga kerja kami yang produktif.

#### Sumbangan Amal

Pada tahun lalu, TWP telah memberi pelbagai sumbangan amal. Ini termasuk menghadiri usaha mengutip dana untuk mempromosikan kraftangan tradisional, derma dalam bentuk wang tunai kepada sekolah-sekolah dan majlis makan malam Hari Natal dengan pemberian hadiah kepada kanak-kanak di hospital.

## 5 Dimensi Alam Sekitar

TWP sentiasa sedar akan peranannya dalam mengekalkan dan mengurangkan kesan buruk terhadap alam sekitar akibat aktiviti-aktiviti perniagaan kami. Kami sentiasa mengkaji cara-cara baru untuk mempromosi dan memelihara alam sekitar yang lebih hijau dengan memastikan sistem pengurusan sisa yang sesuai, mendukung konsep "Kurangkan, Kitar Semula dan Guna Semula" dan pelaksanaan program-program pemeliharaan tenaga secara progresif. Satu lagi tanda komitmen kami ialah operasi Australia kami yang juga merupakan penandatanganan bagi Perjanjian Pembungkusan Australia, satu perjanjian yang dibuat di antara kerajaan Australia dan industri pembungkusan Australia. Kami komited dalam mempraktikkan amalan-amalan persekitaran lestari dengan mengkaji kitar hayat produk yang dipakejkan dari ciptaan, sehingga pengangkutan dan simpanan sehingga pembuangan.

#### Pengurusan Sisa

Di bahagian pencetakan kami, kami memastikan sisa diasingkan kepada sisa berbahaya dan sisa tidak berbahaya pada waktu penjana. Demi memelihara persekitaran, kerja-kerja pelupusan sisa berbahaya hanya boleh dijalankan oleh kontraktor berlesen yang telah berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan. Sambil memastikan sisa berbahaya dilupuskan dengan sempurna, kami juga berusaha ke arah mengurangkan kuantiti sisa yang dijanakan daripada aktiviti-aktiviti kami.

#### Kurangkan, Kitar Semula dan Guna Semula

Semua sisa kertas dan kertas tebal dikitarkan semula ke kertas gred rendah untuk penggunaan semula oleh kontraktor yang dibenarkan demi menyokong usaha kami untuk memelihara alam sekitar. Sisa cecair yang dijanakan daripada operasi pencetakan kami, yang menggunakan pelbagai pelarut dan dakwat sedang dikitarkan semula dan digunakan semula sebagai ramuan untuk menghasilkan pengilangan cat salut asas. Kami juga menggalakkan penggunaan kain lap bilas semula untuk membersihkan penggelek dan silinder pencetakan serta menggunakan semula palet yang dikembalikan oleh pelanggan kami. Selain mengamalkan prinsip kitar semula dan penggunaan semula, kami juga mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan sisa kami.

#### Pemuliharaan Tenaga dan Pengurusan Air

Sumber tenaga dan air amat berharga dan TWP amat menghargainya dengan menetapkan langkah-langkah pemuliharaan untuk mengurangkan penggunaan elektrik dan air. Kami mengamalkan tabiat-tabiat kerja yang baik seperti "mematikan suis apabila tak diguna".



# Pembangunan Sumber Manusia

Laporan Tahunan . 2009 . Annual Report

Kumpulan Tien Wah Press ("TWP") menaruh kepercayaan penuh bahawa modal insan adalah asas bagi pertumbuhan dan kejayaan yang berterusan. Pembangunan sumber manusia kami juga membolehkan kami terus maju dan meningkatkan kepimpinan pasaran. Buat masa ini, jumlah keseluruhan tenaga kerja TWP ialah sekitar 700 orang di mana lebih daripada 44% berpusat di Petaling Jaya, Malaysia, 32% di Bandar Ho Chi Minh, Vietnam dan 24% di Smithfield, Sydney, Australia.

Cabaran utama bagi fungsi sumber manusia kami berpunca daripada pengambilalihan Anzpac Services (Australia) Pty Ltd ("Anzpac") pada lewat tahun 2008. Sebelum pengambilalihan, sebahagian besar program dan infrastruktur sumber manusia Anzpac berada di bawah naungan fungsi sumber manusia serantau syarikat induk sebelumnya. Akibatnya, timbul keperluan untuk memisahkan fungsi sumber manusia daripada syarikat induk tersebut tanpa gangguan kepada perniagaan, serta mengekalkan momentum dalam pembangunan dan latihan warga kerja kami.

Pada tahun 2009, walaupun dengan kewujudan krisis ekonomi global, TWP terus melabur dalam perekrutan, latihan, dan mengekalkan bakat yang sepadan demi mencapai keputusan perniagaan dan menjayakan strategi Kumpulan. TWP berdedikasi dalam memupuk tempat kerja penuh inspirasi yang mampu menarik dan mengekalkan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

TWP percaya kepada pengiktirafan dan penghargaan pekerja yang dihargai. Sebagai contoh, kami memberi pengiktirafan kepada pekerja yang telah berkhidmat lama dengan syarikat, memberi insentif tunai kepada pekerja yang telah berkhidmat antara 20 dan 30 tahun sementara pesara dihadiahkan pingat emas. Objektif anugerah ini adalah untuk memotivasi para pekerja kami untuk mengembangkan kerjaya mereka di TWP dan mengganjarkan mereka atas dedikasi dan komitmen terhadap pertumbuhan TWP. Ini diperkuatkan lagi oleh Polisi Rekrutmen & Pemilihan yang mendorong perekrutan dari dalam kalangan pekerja syarikat sebelum mempertimbangkan calon luar. Ini memastikan semua pekerja diberikan peluang yang adil untuk mengejar kemajuan kerjaya.

Pada tahun ini, TWP telah melanggan kepada Analisis Pampasan Hay dan telah habis satu kajian perbandingan pasaran luaran di Malaysia atas Penjaluran Gaji Asas untuk peringkat eksekutif demi memastikan portfolio pampasan keseluruhan kekal kompetitif.

TWP terus-menerus melabur dalam pelan pembangunan kerjaya yang menyeluruh untuk menarik dan mengekalkan pekerja berbakat unggul. Sebaik sahaja menyertai Syarikat, individu dikehendaki mengikuti program orientasi selama dua hari dan mereka diberikan kesempatan untuk mencapai potensi penuh mereka melalui latihan, promosi, pendedahan lateral, putaran kerja dan peluang penukaran sementara. TWP memberi penekanan kepada pembelajaran dan pertumbuhan yang berterusan supaya pekerja dapat manfaat sepenuhnya dari kerjaya mereka.

Latihan dalam bidang kecekapan teknikal, pengetahuan produk, teknologi maklumat, pengurusan operasi, perhubungan industri, undang-undang/perundangan dan peraturan, sekuriti dan keselamatan perindustrian, kemahiran kewangan, kemahiran menjual, kemahiran penyeliaan, kemahiran komunikasi dan interpersonal juga diberikan tumpuan. Program Pembelajaran dan pembangunan dalaman telah dimulakan untuk melatih para pekerja kami dan mengembangkan kemahiran teknikal mereka di peringkat loji dan lain. Kepakaran teknikal luar dari Bobst Switzerland diupah untuk melatih krew perkilangan mengenai penggunaan mesin cetak. Sepanjang tahun, keseluruhannya sebanyak 55 program latihan termasuk 7 latihan sambil kerja diadakan.

Sebagai sebuah organisasi serantau, TWP menawarkan banyak peluang menyeberang sempadan kepada pekerja berbakat melalui program penukaran sementara atau program latihan teknikal pertukaran. Program ini mempunyai dua matlamat utama; untuk memperluaskan pekerja kami dengan pendedahan kepada amalan terbaik di operasi Vietnam, Australia dan Malaysia, dan untuk menyumbang kepada operasi TWP melalui kepakaran pekerja kami.

Program perantisan terus berkembang dengan beberapa orang mendapat perantisan dewasa di Anzpac. Sejumlah yang lain melengkapkan perantisan mereka, mendapat kelayakan penuh dan kini bekerja dalam perniagaan ini. Mereka terus memberi nilai tambahan dan menjamin aliran bakat yang berkelayakan terus wujud di seluruh organisasi. TWP juga menyediakan penajaan bagi warga kerja untuk memperoleh kelayakan profesional atau pengajian tinggi rasmi dalam bidang kepakaran berkenaan mereka. Ini akan memberikan dorongan tambahan bagi mereka untuk berusaha dengan lebih giat untuk mencapai keunggulan prestasi.

TWP percaya kepada keseimbangan kehidupan dan kerja bagi pekerjanya dan menyediakan beberapa pentas bagi mengekalkan semangat pekerja. Sebagai contoh, pekerja memperoleh manfaat daripada pelbagai kegiatan yang dianjurkan oleh Kelab Rekreasi Tien Wah Press sepanjang tahun 2009 termasuk pertandingan boling dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan. Kelab juga menganjurkan pertandingan ping-pong, karom dan badminton di antara jabatan-jabatan dan menganjurkan Makan Malam Tahunan sempena Mesyuarat Agung Tahunannya. Aktiviti-aktiviti ini telah menguatkan ikatan antara pekerja dan rakan perniagaan dan mempertingkatkan semangat berpasukan.

Kami terus menerima sokongan baik daripada Persatuan Pekerja Industri Pencetakan Semenanjung Malaysia (Kesatuan) yang mempunyai hubungan yang baik dan harmoni dengan kami. Dalam tahun yang ditinjau, TWP Malaysia menyaksikan Perjanjian Kolektif 2009 ("CA") ditandatangani. Walaupun dengan kemelesetan ekonomi, CA ini menyediakan manfaat yang menarik bagi Kesatuan, termasuk kenaikan gaji 6.66%. CA juga mengandungi peningkatan dalam perlindungan perubatan dan faedah lain yang akan memberi impak positif kepada semangat kerja pekerja dalam keadaan yang mencabar ini. Mengorak ke hadapan, TWP akan terus berhubung dengan Kesatuan dan berkongsi rancangan pembangunan kami, sambil terus mengekalkan hubungan kerja yang berharmoni.

TWP terus komited terhadap kesihatan dan keselamatan pekerja. Ini ditunjukkan melalui sokongan lanjut penjagaan kesihatan yang berterusan dan inisiatif pendidikan seperti latihan dan pensijilan semula Resusitasi Kardiopulmonari dan Pertolongan Cemas, serta kempen kesedaran kesihatan.